

# Berita JMM

Newsletter of the Department of Museums Malaysia



KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI DAN BUDAYA  
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

BERITA JMM JILID 38 ▪ BIL. 3/2022 ▪ SEPTEMBER - DISEMBER | ISSN 2231-8321



Jabatan Muzium Malaysia



Jabatan Muzium Malaysia



Jabatanmuziummalaysia



[www.jmm.gov.my](http://www.jmm.gov.my)

# Lidah pengarang

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera. Syukur ke hadirat Illahi kerana dengan limpah rahmatNya, Berita JMM Jilid 38, Bil 3/2022 telah dapat dihasilkan dengan jayanya. Terlebih dahulu, syabas dan tahniah kepada Sidang Editorial dan semua yang terlibat dalam menghasilkan penulisan dan idea bagi keluaran pada kali ini.

Tahun 2022 hampir melabuhkan tirainya dan JMM wajar melihat semula visibiliti dan kerelevannya dalam arus perdana baik di dalam mahupun di luar negara. Pelan Strategik Jangka Panjang JMM (2018-2022) akan berakhir pada tahun ini. Dalam hal ini, JMM perlu memperhalusi dan menilai setiap program dan inisiatif yang telah diambil dalam tempoh tersebut bagi mengkaji keberkesanan *output*, pencapaian *outcome* dan seterusnya merancang serta mengerakkan *way forward* yang bersesuaian agar muzium kekal berdaya saing. JMM juga perlu melihat ke hadapan dalam membangunkan program dan inisiatif yang mampu memberi impak kepada masyarakat dan negara.

Dalam era pendigitalan yang semakin pesat ini, JMM juga perlu mengambil peluang untuk memantapkan penyampaian perkhidmatannya. Platform Kerajaan Digital serta Pelan Strategik Sektor Awam (2021-2025) perlu digariskan dengan sewajarnya dalam menentukan hala tuju pendigitalan Jabatan. Langkah proaktif ke arah memodenkan penyampaian perkhidmatan yang bersepadu, inovatif, mudah diakses, efisien serta memenuhi matlamat dan ekspektasi rakyat mampu memacu kepada mewujudkan persekitaran muzium yang pintar dalam setiap aspek terasnya. Semoga Pelan Strategik JMM (2023-2027) dan Pelan Pendigitalan JMM (2023-2027) akan merealisasikan perkara ini.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan setinggi penghargaan kepada semua yang menyumbang idea, tenaga dan masa bagi menghasilkan Berita JMM ini. Semoga seluruh warga JMM akan terus berganding bahu dan mengerakkan sinergi dalam melaksanakan setiap perancangan sama ada untuk jangka masa pendek mahupun jangka masa panjang.

**Mohamad Shawali bin Haji Badi**  
Timbalan Ketua Pengarah Dasar  
Jabatan Muzium Malaysia



## Editorial



**RASIONAL GAMBAR MUKA DEPAN**  
Festival Kuala Kedah yang berlangsung pada 20-22 Oktober 2022 di Muzium Kota Kuala Kedah.

### PENASIHAT

Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim

### KETUA EDITOR

Mohd Razaimi bin Hamat

### EDITOR

Mohd Khairill bin Jemangin  
Nor Hafizzah binti Abdul Rahman

### PENYELARAS

Rozlinah binti Ismail  
Hamidah binti Mohd Tahir  
Roseanida binti Abdul Kadir

### FOTOGRAFI

Unit Sumber Media

### EDARAN

Unit Perpustakaan

### DITERBITKAN OLEH

**Jabatan Muzium Malaysia**

Jalan Damansara

50566 Kuala Lumpur

Tel : (+603) 2267 1000, (+603) 2282 6255

Faks : (+603) 2282 6434

<https://www.jmm.gov.my>

### DICETAK OLEH

Sepantas Kurnia (M) Sdn Bhd  
No.50 &52A, Jalan Seri Aman,  
Taman Seri Aman,  
43200 Cheras Selangor.

Berita JMM diterbitkan 4 bulan sekali.  
Berita ini boleh dimuat turun daripada  
laman web JMM.

# ISI KANDUNGAN

JILID 38 / BIL.3 / 2022 SEPTEMBER - DISEMBER



- 4 FESTIVAL KOTA KUALA KEDAH
- 6 NOSTALGIA ANAK KAMPUNG 'KENDURI KENDARA@MUZIUM NEGARA'
- 7 PAMERAN 100 TAHUN TROFI H.M.S. MALAYA
- 8 PAMERAN UNDI UNTUK NEGARA
- 9 MAJLIS PERASMIAN PAMERAN SENIMAN PERAK SEPANJANG ZAMAN
- 10 SEMARAK@MUZIUM PERAK: SENIMAN PERAK SEPANJANG ZAMAN
- 11 MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA JABATAN MUZIUM MALAYSIA (JMM) DENGAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)
- 12 PERMUKIMAN KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL PERMUZIUMAN JABATAN MUZIUM MALAYSIA 2022
- 13 BICARA@MUZIUM KEINDAHAN MOTIF DAN REKA CORAK TEKSTIL MELAYU
- 14 BICARA KURATOR SIRI 4/2022 BUDAYA MATERIAL YANG TIDAK DAPAT DIJEJAKI PEMILIK "ORPHAN WORKS"
- 15 BICARA@MUZIUM KEUNIKAN MUTIARA HUTAN
- 16 BICARA TOKOH@MUZIUM: DATUK HASSAN SANI LAGENDA BOLA SEPAK MALAYSIA
- 17 BICARA GALERI: KERAJAAN MELAYU TONGGAK PERADABAN MARITIM
- 18 BICARA@MUZIUM: SEJARAH PENYELIDIKAN ARKEOLOGI LEMBAH BUJANG
- 19 PENGANJURAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH SEAMEO SPAFA KE 37 (37th SEAMEO SPAFA GOVERNING BOARD MEETING)
- 20 BERITA BERGAMBAR
- 22 SEMARAK@MUZIUM ADAT 2022
- 23 • SEMARAK@MUZIUM SIRI II  
• BICARA GALERI: IDENTITI DAN KEDAULATAN
- 24 SEMARAK@MUZIUM, MUZIUM SUNGAI LEMBING
- 25 • PAMERAN *EXPLORING TEXTILE OF MALAYSIA* SEMPENA *PRECIOUS OF MALAYSIA 2022* DI UNIVERSITI MALAYA  
• PROGRAM TOK DALANG CILIK
- 26 • SESI TRAINING OF TRAINERS (ToT) PENTADBIR BAHAGIAN/MUZIUM/UNIT BAGI MODUL PENGURUSAN PRESTASI – MYPERFORMANCE HRMIS 2.0 SUB MODUL SASARAN KERJA UTAMA (SKU)  
• PROGRAM JELAJAH ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA 2022
- 27 • KARNIVAL PAMERAN BAHASA JIWA BANGSA KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN 2022  
• GLAMPING@MUZIUM NEGARA
- 28 PROGRAM LIVING MUSEUM DAY@MSKOA 2022: SIRI 2
- 29 LAWATAN SAMBIL BELAJAR PROGRAM SIJIL SENI KREATIF ASWARA (SSKA) – SIJIL ASAS PENGURUSAN WARISAN SESI 2022/2023
- 30 BENGKEL RESTORASI PENGANGKUTAN AIR TRADISIONAL (PERAHU)
- 31 • MAJLIS PERSARAAN KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC) TAHUN 2022  
• PROGRAM KENALI MUZIUM MATANG
- 32 • PAMERAN SEMENTARA DI MASJID SAIDINA ABU BAKAR AS-SIDDIQ BANGSAR KUALA LUMPUR  
• PROJEK PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN JABATAN MUZIUM MALAYSIA 2023-2027
- 33 KURSUS PENULISAN BERITA DAN RENCANA
- 34 • PROGRAM PROTOTYPE@MUZIUM DI MUZIUM AUTOMOBIL NASIONAL  
• PROJEK A.T.U.R (ACHIEVEMENT THROUGH RE-ORG) 2022 DI BAWAH PROGRAM ICCROM-COLLASIA INTERNATIONAL COURSE ON THE REORGANIZATION OF COLLECTION STORAGE IN MUSEUMS OF SOUTHEAST ASIA
- 35 • BENGKEL GAMELAN 1.0  
• JOM D.I.Y TEMBIKAR
- 36 SIGNIFIKAN MUZIUM CHIMNEY SEBAGAI TAPAK BUDAYA GEOPARK KEBANGSAAN LABUAN
- 38 • BENGKEL IKAT DAN CELUP ANJURAN PUSPANITA CAWANGAN KECIL JMM  
• HARI TERBUKA PUSPANITA CAWANGAN KECIL JMM  
• ZUMBA@PUSPANITA
- 39 TAHUKAH ANDA – SINOPSIS BUKU



# Festival KOTA KUALA KEDAH

Oleh: Zamzarina binti Khalid, Muzium Kota Kuala Kedah



**KOTA KUALA KEDAH** - 20 hingga 22 Oktober 2022 Muzium Kota Kuala Kedah, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dengan kerjasama Lembaga Muzium Negeri Kedah telah menganjurkan program Festival Kota Kuala Kedah. Objektif utama program ini ialah untuk mengangkat Kota Kuala Kedah sebagai sebuah kota bersejarah yang diperlihatkan dari pelbagai aspek seperti teknologi, hubungan pentadbiran dan diplomatik, kepahlawan serta peristiwa perjuangan. Program ini juga memberi tumpuan kepada pemerksaan ekonomi masyarakat setempat melalui kedatangan pelancong serta mempromosikan Muzium Kota Kuala Kedah sebagai pusat pelancongan menarik yang wajib dikunjungi.

Penganjuran program ini turut melibatkan penyertaan daripada jabatan dan agensi kerajaan yang lain seperti Angkatan Tentera Malaysia, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Muzium Perak, Yayasan Warisan Johor dan lain-lain lagi. Selain itu, pameran konservasi artifak dan jualan buku terbitan JMM turut diadakan.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan untuk pelawat sepanjang berlangsungnya program ini yang bermula dari jam 9.00 pagi hingga 11.00 malam termasuklah aktiviti seperti seni grafiti, pertandingan gubahan bunga dan sireh junjung, memanah Haul Pahlawan, ceramah agama dan pentomen oleh Pertubuhan Seni Silat Berkeris Malaysia (PEKERIS) dan lain-lain.

Kemuncak program ialah acara perasmian festival yang disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya, Yang Berbahagia Datuk Hajah Saraya binti Arbi. Kemeriahan festival diteruskan dengan pertandingan ayam serama, pertandingan suara burung, pertunjukan silat, dan aktiviti jualan serta pameran dari jabatan dan agensi kerajaan. Pada sebelah malam acara diteruskan dengan Maulid Agung Alam Melayu dan Tausiyah Pendekar oleh RATIB ALAMI.

Pada hari ketiga diadakan acara fun ride pada pukul 8.00 pagi dan pelepasan peserta telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman) Encik Mohd Razaimi bin Hamat. Turut diadakan pertandingan



memancing yang bermula dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari dengan penyertaan seramai 300 orang peserta. Selain itu cabutan bertuah dengan pelbagai hadiah menarik seperti motorsikal, perkakasan elektrik dan lain-lain turut diadakan.

Secara keseluruhannya festival ini berjalan dengan jayanya dan mencapai objektif serta matlamat yang disasarkan oleh JMM. Statistik pelawat telah menunjukkan peningkatan dan secara tidak langsung usaha untuk mempromosikan Muzium Kota Kuala Kedah kepada orang ramai melalui penganjuran festival ini dilihat sebagai tarikan baru kepada pelawat.

Program seperti ini wajar diteruskan untuk menarik kedatangan pelawat dalam usaha memberi pendedahan dan kesedaran kepada masyarakat tentang fungsi dan kepentingan muzium di dalam konteks ketamadunan bangsa.



# NOSTALGIA ANAK KAMPUNG

Oleh: Nik Aesya binti Nik Ahmad Kamal, Muzium Negara



Acara perasmian Nostalgia Anak Kampung oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, YBhg Datuk Hajah Saraya binti Arbi

**KUALA LUMPUR** - Program Nostalgia Anak Kampung merupakan salah satu program tahunan Muzium Negara yang dijalankan pada bulan November dan Disember dengan konsep dan tema yang berbeza. Pada tahun 2022, Muzium Negara telah mengetengahkan konsep kenduri-kendara dan raja sehari untuk menonjolkan kemeriahan majlis kenduri kahwin masyarakat Melayu di negeri Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Kelantan. Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha MOTAC, YBhg Datuk Hajah Saraya binti Arbi pada 26 November 2022.

Pelbagai pihak telah terlibat dalam menjayakan aktiviti-aktiviti yang diadakan sepanjang program ini berlangsung. Antara pihak yang telah menyumbang tenaga dan usaha mereka bersama-sama Muzium Negara dalam menjayakan pameran dan aktiviti adalah Lembaga Muzium Negeri Perak, Yayasan Warisan Johor, Lembaga Muzium Negeri Sembilan, Lembaga Muzium Kedah, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Melaka. Buat julung kalinya 6 buah muzium tersebut telah bersepakat untuk mempamerkan adat budaya negeri masing-masing untuk tatapan pelawat Muzium Negara dalam Pameran Raja Sehari. Setiap muzium telah diberikan tugas dan tanggungjawab untuk menyediakan teks pameran dan koleksi yang bersesuaian mengikut jalan cerita dan segmen yang telah ditetapkan. Yayasan Warisan Johor dipertanggungjawabkan untuk segmen busana raja sehari, Lembaga Muzium Negeri Sembilan membawakan keunikan perarakan perkahwinan dengan menonjolkan tandu yang hanya ada di negeri tersebut. Manakala Lembaga Muzium Negeri Perak pula menceritakan mengenai akad nikah dan pelaminan. Seterusnya Perbadanan Muzium Negeri Melaka pula mempamerkan koleksi peraduan bilik pengantin. Perbadanan Muzium Negeri Kelantan pula mempamerkan hidangan semasa makan beradap bagi raja sehari di negeri tersebut. Lembaga Muzium Negeri Kedah pula diberikan tanggungjawab untuk mempamerkan mengenai kenduri kahwin dengan keunikan Nasi Apollo.

Pameran Nostalgia Anak Kampung: Raja Sehari telah mula dibuka kepada pelawat pada 26 November 2022 dan akan berterusan sehingga 31 Disember 2022 yang bertempat di Galeri 1, Jabatan Muzium Malaysia.

Di samping pameran sementara, Muzium Negara juga telah menjalankan pelbagai aktiviti menarik berkonsepkan kenduri-kendara dari 12 November hingga 18 Disember 2022 pada setiap hujung minggu. Aktiviti seperti bengkel masakan, pertandingan perubahan dan pertandingan mewarna telah diadakan di sepanjang tempoh tersebut dalam menarik orang ramai dari pelbagai peringkat umur untuk hadir ke Muzium Negara. Program sampingan ini turut mendapat sokongan daripada enam buah muzium tersebut dengan Lembaga Muzium Negeri Kedah telah melaksanakan Bengkel Kenduri Kahwin: Masak Nasi Apollo, manakala Bengkel Tekatan Benang Emas pula telah dikelolakan oleh Lembaga Muzium Negeri Perak pada 26 November 2022. Yayasan Warisan Johor pula telah membawakan demonstrasi dan bengkel berkaitan dengan nasi beriani Johor dan adat istiadat perkahwinan masyarakat Johor. Manakala Lembaga Muzium Negeri Sembilan pula telah membawakan bengkel memasak kari kepala kambing pada 17 Disember 2022. Pada 18 Disember 2022, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan pula telah membawa persembahan Dikir Barat yang sekarang ini menjadi *trend* dalam kalangan masyarakat di Kelantan untuk meraikan pasangan mempelai pada sebelah malam.

Penganjuran program Nostalgia Anak Kampung amatlah bertepatan dengan musim cuti sekolah sehingga berjaya menarik ramai pelawat kanak-kanak dan ibu bapa yang ingin mengisi masa lapang mereka dengan berkunjung ke Muzium Negara.

Secara keseluruhan, program ini telah berjaya menarik sejumlah 40,327 pelawat sepanjang tempoh penganjurannya daripada bulan November dan Disember 2022. Melalui program seumpama ini dapat menambah pengetahuan tentang keunikan budaya Melayu sekaligus mengekalkan budaya ini untuk terus diamalkan agar ia dapat mewarnai kepelbagaian khazanah warisan sejarah dan budaya Malaysia.

# Pameran 100 TAHUN TROFI HMS MALAYA – MENEMPA PRESTIJ MEMARTABATKAN SEJARAH

Oleh: Muhamad Faiz bin Azizan, Bahagian Pengurusan Konservasi

**KUALA LUMPUR** - Bahagian Pengurusan Konservasi JMM berperanan untuk memastikan bahan-bahan koleksi JMM berada dalam keadaan baik dan terpelihara. Matlamat ini direalisasikan melalui kerja-kerja konservasi preventif, konservasi kuratif dan penyelidikan. Selain itu, Konservasi juga melaksanakan penganalisaan, pencirian bahan dan kajian saintifik bersama Agensi Nuklear Malaysia bagi tujuan menambah data kepada koleksi serta mengaplikasikan teknik dan teknologi nuklear yang sesuai dalam memanjangkan jangka hayat koleksi artifak.

Pameran 100 Tahun Trofi HMS Malaya – Menempa Prestij Memartabatkan Sejarah merupakan inisiatif Bahagian Pengurusan Konservasi dalam menyemarakkan pengetahuan dan menyebarkan kepentingan penjagaan koleksi. Pameran ini berlangsung dari 1 November 2022 hingga 31 Januari 2023 di ruang tengah Muzium Negara. Sesi “walkabout” bersama telah berlangsung pada 7 November 2022 dan dihadiri oleh Encik Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya dan pegawai-pegawai JMM

Pada sesi ini juga wakil-wakil dari agensi dan pengumpul koleksi yang terlibat secara langsung dalam menjayakan pameran ini juga turut hadir termasuklah dari Pusat Hidrografi Nasional, Malaysia Football League, Persatuan Bola Sepak Malaysia, Agensi Nuklear Malaysia, Encik Sharin Majid bekas pemain bola sepak Selangor dan pemain ragbi tanahair Encik Dinesvaran Khirshnan yang pernah beraksi dalam liga ragbi Jepun selama 9 tahun. Pameran ini bertujuan untuk mempamerkan koleksi yang sudah berusia 100 tahun kepada masyarakat. Selain itu, pameran ini juga bertujuan untuk menyampaikan informasi berkaitan Kapal HMS Malaya dan sejarah bermulanya dua sukan yang popular ini.

JMM bekerjasama sama rapat dengan Agensi Nuklear Malaysia dalam menjalankan aktiviti kajian secara saintifik dengan menggunakan teknik radiografi, neutron dan sinargama. Arkib Negara Malaysia dan Jabatan Penerangan Malaysia turut membantu dalam mendapatkan foto serta dokumen dan surat berkaitan sejarah trofi. Kerjasama juga turut diadakan dengan TLDM melalui Pusat Strategi Maritim dan Sejarah serta Pusat Hidrografi Nasional dalam mendapatkan pengesahan maklumat berkenaan Kapal HMS Malaya. *Malaysia Football League*, Persatuan Bola Sepak Malaysia dan Kesatuan Ragbi Malaysia juga turut membantu memberikan



Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj Perdana Menteri Malaysia merangkap Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) menyerahkan trofi H.M.S Malaya kepada Pengarah Muzium Negara Encik Shahrum bin Yub pada 19 February 1968

informasi berkaitan kejohanan semasa trofi HMS Malaya ini dipertandingkan. Pameran ini tidak lengkap sekiranya tidak mendapat bantuan dari para pengumpul koleksi persendirian yang telah sudi meminjamkan koleksi mereka untuk diperagakan.

Keunikan pameran ini dapat dilihat melalui gabungan pelbagai elemen seperti sukan tanahair khususnya bola sepak dan ragbi, Pendekatan sains dan teknologi, sejarah negara. Pengolahan serba padat dengan informasi sejarah dan sains dari sumber sahih menjadikan teks pameran ini mampu dijadikan asas pertimbangan untuk mencalonkan dua buah trofi ini sebagai Artifak Warisan Kebangsaan kelak.



Majlis menandatangani jersi khas Muzium Negara oleh Encik Shahrin Majid (kiri) bekas pemain bola sepak Selangor dan Encik Dinesvaran Krishnan (kanan) pemain ragbi Malaysia sempena lawatan kerja rasmi TKSU (Kebudayaan), MOTAC pada Sesi Walk About Pameran 100 Tahun Trofi H.M.S Malaya.



# PAMERAN UNDI UNTUK NEGARA

Oleh: Raja Suriaty binti Raja Ahmed, Muzium Negara

**KUALA LUMPUR** - Pameran Undi Untuk Negara merupakan kolaborasi Muzium Negara bersama Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), Arkib Negara Malaysia dan *Malaysian Design Archive* (MDA). Pameran ini diadakan bersempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia bermula dari 16 September hingga 16 Oktober 2022. Objektif utama pameran ialah untuk memberi pemahaman kepada masyarakat berkaitan proses mengundi di Malaysia dan kepentingannya serta tanggungjawab rakyat dalam memilih pemimpin yang akan menerajui pentadbiran negara. Fokus pameran ini merangkumi proses dan perjalanan pilihan raya di Malaysia. Tiga segmen yang terkandung dalam jalan cerita pameran ialah Pilihan Raya di Malaysia, perjalanan Pilihan Raya di Malaysia dan Evolusi dalam Sistem Pilihan Raya di Malaysia. Segmen Pilihan Raya di Malaysia merupakan penerangan umum berkaitan sejarah Pilihan Raya di Malaysia dan kaitannya dengan kemerdekaan negara. Segmen Perjalanan Pilihan Raya di Malaysia pula menerangkan tentang proses sebelum dan semasa hari pengundian serta selepas selesai kiraan undi. Segmen Evolusi dalam Pengurusan Pilihan Raya menerangkan berkaitan pembaharuan dan penambahbaikan melalui urus persempadanan, pendaftaran pemilih dan perjalanan pilihan raya. Selain itu, aktiviti lawatan berpandu dan simulasi pilihan raya oleh pihak Akademi Pilihan Raya turut diadakan dan disertai oleh para pengunjung yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur.



Suasana sekitar Pameran Undi Untuk Negara.

“Kesimpulannya, usaha Muzium Negara untuk menterjemahkan sistem dan suasana Pilihan Raya di Malaysia dalam bentuk yang mudah difahami dan mesra pengunjung melalui pameran ini dilihat berjaya kerana seramai 31,304 orang pengunjung telah melawat pameran ini.”



Aktiviti lawatan berpandu dan simulasi mengundi yang dikendalikan oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia





## Majlis Perasmian PAMERAN SENIMAN PERAK SEPANJANG ZAMAN

Oleh: Zairul Hida binti Hamdan, Muzium Perak



Dato' Lat menunjukkan koleksi Kartunnya yang dipamer di galeri A Muzium Perak.

**TAIPING, PERAK** - Pada 12 November 2022 majlis perasmian Pameran Seniman Perak Sepanjang Zaman telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Puan Halizah binti Sipun, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) merangkap Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak (UPEN). Pameran ini bermula dari 12 November 2022 sehingga 30 Jun 2023. Pameran ini mengetengahkan seniman tersohor kelahiran negeri Perak yang mendapat pengiktirafan dalam dan luar negara. Mereka mewakili pelbagai bidang seni iaitu seni lakon dan perfileman, seni suara dan muzik, seni persembahan, seni visual serta seni sastera dan kepenyiaran. Beberapa koleksi menarik dan signifikan dengan seniman turut diperagakan selain keterangan ringkas para seniman yang terpilih termasuklah koleksi Tan Sri Dato' (Dr) Jins Shamsuddin, koleksi kartun Dato' Lat, koleksi dan karya sasterawan Pak Malim Ghazali PK, pakaian persembahan Dato' M. Daud Kilau, koleksi Allahyarham Mamat Khalid, Koleksi Allahyarham M. Shariff dan lain-lain.

Pameran ini terbahagi kepada tiga segmen iaitu segmen Pengenalan Seniman sebagai Obor Seni, segmen Tokoh-tokoh Seni Perak seperti Seni Suara & Muzik, Seni Lakon & Pengarahan, Seni Persembahan (teater, tari, lawak jenaka), Seni Visual (lukisan, seni tampak) dan Dunia Sastera & Kepenyiaran. Segmen Tunjang Seni pula menyentuh mengenai Medium Hiburan, Mekanisme Perpaduan, Terapi Pendidikan, Kritikan Sosial Seni dan segmen Kritikan Sosial Seni turut menjadi platform mengkritik pemerintah, ahli politik dan sebagainya.

Penganjuran Pameran Seniman Perak Sepanjang Zaman ini merupakan satu apresiasi terhadap pendokong dunia seni tanah air dan semoga jasa dan bakti mereka terus mekar dan dihargai.

# SEMARAK@MUZIUM PERAK: SENIMAN PERAK SEPANJANG ZAMAN

Oleh: Zairul Hida binti Hamdan, Muzium Perak



**TAIPING, PERAK** – Program Semarak@Muzium adalah salah satu program signature Jabatan Muzium Malaysia (JMM) yang dilaksanakan oleh muzium-muzium untuk mendekatkan muzium dengan masyarakat. Program Semarak@Muzium Perak pada kali ini diadakan bersama-sama dengan perasmian Pameran Seniman Perak Sepanjang Zaman yang berlangsung dari 12 November 2022 sehingga 30 Jun 2023. Program Semarak@Muzium telah diadakan pada 12hb dan 13hb November 2022 (Sabtu dan Ahad) bermula jam 9.30 pagi hingga 5.00 petang dan telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Puan Halizah binti Sipun, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) merangkap Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak (UPEN). Majlis perasmian turut menyaksikan penyampaian sijil penghargaan kepada seniman yang menjayakan pameran seperti keluarga Alalhyarham Tan Sri Dato' (Dr) Jins Shamsuddin, Dato' Lat keluarga sasterawan Pak Malim Ghozali PK, keluarga Dato' M.Daud Kilau, dan lain-lain.

Menutup tirai tahun 2022, Semarak@Muzium kali ini diadakan bagi menyemarakkan dan sebagai salah satu mekanisme hebahan mengenai program dan aktiviti muzium. Selain itu, ia turut menjadi inisiatif untuk merencanakan kembali kegiatan seni, budaya dan pelancongan domestik. Dalam hal ini juga kerjasama strategi antara agensi awam, swasta dan NGO seperti Persatuan Pelukis, PULARA dan penggiat-penggiat seni perseorangan dapat dijalinan.

Pengisian program termasuklah pameran, persembahan pentas, demonstrasi lukisan, persembahan puisi dan lagu-

lagu rakyat, kayuhan berbasikal secara santai, pertandingan dan gerai pameran, jualan barangan seni & kraf dan program Nostalgia Anak Kampung. Persembahan pentas termasuklah nyanyian lagu-lagu rakyat, deklamasi puisi oleh PULARA, nyanyian oleh Puan Rose Elisya, persembahan rekorder dari pelajar Sekolah Kebangsaan Taman Jana Kamunting, serta lawak jenaka oleh Apit Wan Lebo dari Kuala Kangsar. Demonstrasi melukis dan jualan lukisan dengan kerjasama Persatuan Pelukis Negeri Perak, turut diadakan dengan penyertaan dari Penjara Taiping, Zoo Taiping, dan Syarikat ADABI Berhad, jualan barang-barang antik dan buku-buku lama, juga turut diadakan selain pemeriksaan kesihatan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia daerah Taiping. Antara pertandingan yang diadakan termasuklah Pertandingan Tiru Gaya Datuk M.Daud Kilau, Pertandingan Melukis Bangunan dan Landskap Muzium Perak, Teka Jumlah Mikrofon, Teka Jumlah Movie Clapper, pertandingan karaoke lagu Jamal Abdillah dan pertandingan memasak masakan retro bersama ADABI. Program Nostalgia Anak Kampung pula mengadakan pelbagai acara seperti acara berinai beramai-ramai, membuat gubahan bunga telur, membuat gubahan siri junjung dan membuat bunga rampai.

Program Semarak@Muzium ini diharap dapat membantu melonjakkan semula sektor pelancongan berasaskan warisan di negeri Perak dan negara amnya. Secara tidak langsung juga program ini dapat memberi nilai tambah kepada fungsi dan peranan Muzium.



# MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA JABATAN MUZIUM MALAYSIA (JMM) DENGAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)

Oleh: Baharuddin bin Abdullah, Unit Dasar dan Perancangan Strategik

**BANGI, SELANGOR** - Pada 18 Oktober 2022, Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah diadakan di Bilik Majlis, Aras 5, Bangunan Canselori UKM. Pemetaraan MoU ini berkuat kuasa bagi tempoh tiga (3) tahun bermula dari tarikh MoU ini ditandatangani dan merupakan lanjutan daripada MoU yang telah terjalin sebelum ini (10 Januari 2019 hingga 10 Januari 2022). Kolaborasi ini dapat menjadi platform dalam pelaksanaan kerjasama pintar antara JMM dan UKM dalam pendidikan, penyelidikan, latihan dan pembangunan bidang permuziuman dengan lebih jelas dan terarah.

MoU ini ditandatangani oleh Ketua Pengarah JMM, YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim bersama Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UKM, YBhg. Prof. Dato' Dr. Wan Kamal Mujani, disaksikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JMM, YBrs. Encik Mohamad Shawali bin Haji Badi, dan Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) UKM, YBhg. Prof. Datuk Seri Dr. Awang Sariyan. Majlis ini telah disempurnakan melalui upacara menandatangani dan pertukaran dokumen MoU antara JMM dan UKM dan dihadiri seramai 20 pegawai dari kedua-dua belah pihak.

Antara program kerjasama yang berjaya dilaksanakan sebelum ini termasuklah Seminar Kebangsaan Alam dan Tamadun Melayu: Memperkasakan Warisan Sejarah, Adat dan Jati Diri Bangsa Melayu dengan Tema: "Memperkasakan Warisan, Sejarah, Adat & Jati Diri Bangsa Melayu" yang telah berlangsung pada 9 dan 10 November 2021 secara aplikasi atas talian (*zoom meeting*). Justeru, pihak JMM dan UKM berharap MoU ini dapat menghasilkan kerjasama pintar dalam pelbagai skop bidang termasuklah penganjuran persidangan, seminar, wacana, bidang penyelidikan dan penerbitan, lawatan akademik, latihan industri, dan aktiviti-aktiviti yang melibatkan pembangunan bidang permuziuman serta pembangunan akademik dari semasa ke semasa bagi kedua-dua pihak terlibat.



YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim bersama Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Wan Kamal Mujani menandatangani dokumen MoU pada majlis tersebut.




YBrs. Encik Mohamad Shawali bin Haji Badi sebagai saksi bagi pihak JMM menandatangani dokumen MoU pada majlis tersebut.



YBhg. Prof. Datuk Seri Dr. Awang Sariyan sebagai saksi bagi pihak UKM menandatangani dokumen MoU pada majlis tersebut.



Barisan delegasi dari JMM dan UKM bergambar usai selesai majlis menandatangani MoU.



YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim bertukar dokumen MoU dengan YBhg. Prof. Dato' Dr. Wan Kamal Mujani pada majlis tersebut.

# PERMUKIMAN KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL PERMUZIUMAN JABATAN MUZIUM MALAYSIA 2022

Oleh: Sharipah Lok Lok binti Syed Idrus, Unit Dasar dan Perancangan Strategik



Sesi soal jawab antara Datuk Ketua Pengarah bersama pembentag dari sektor dasar



Pembentangan overview punca kuasa dari sektor dasar



Sesi pembentangan dari sektor permuziuman



Barisan Pegawai yang menyertai permukiman ini

**PULAI, JOHOR** – 28 hingga 30 Oktober 2022, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah mengadakan permukiman kumpulan Pengurusan dan Profesional Permuziuman bertempat di Pulau Spring Resort, Pulau, Johor.

Permukiman ini menghimpunkan Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional JMM dari sektor permuziuman dan sektor dasar. Seramai 53 orang peserta telah menghadiri permukiman selama 3 hari ini.

Pengisian hari pertama melibatkan pembentangan pencapaian pelan strategik JMM (PSJMM) disampaikan oleh Puan Roslelawati binti Abdullah Ketua Penolong Pengarah Unit Dasar dan Perancangan Strategik. Seterusnya ialah laporan kewangan oleh Encik Mohd Syukery bin Shali, akauntan dari bahagian kewangan dan Pencapaian Pelan Strategik ICT JMM oleh Pengarah Unit Teknologi Maklumat, Encik Razlan bin Abdul Aziz.

Hari kedua menjurus kepada pembentangan *overview* bagi punca kuasa oleh Encik Zainal bin Ariffin dan Puan Hadijah bt Haji Mohd Yunus dari sektor dasar berbentuk sketsa berpantun diakhiri dengan lagu gurindam jiwa. Sesi pembentangan oleh sektor dasar diteruskan dengan pelaporan input pencapaian aktiviti 2022 dan perancangan

program 2023 yang telah dipersembahkan dalam bentuk rumusan secara bersama oleh semua pegawai dari sektor dasar.

Pembentangan sektor permuziuman pula melibatkan pembentangan berkumpulan yang diketuai oleh Pengarah Muzium Negara Encik Zamrul Amri bin Zakaria, Pengarah Bahagian Pameran dan Pengembangan Puan Masni Adeni, Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi Cik Darniza binti Daut@Mohmud, Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat Cik Sitti Rabia binti Abdul Rahman dan Pengarah Muzium Etnologi Dunia Melayu Puan Hanisah binti Ahmad. Pembentangan merangkumi skop pencapaian sektor permuziuman sepanjang 2022 termasuk muzium-muzium di wilayah dan perancangan program 2023 secara komprehensif.

Penutupan dan sesi rumusan oleh Ketua Pengarah JMM Timbalan Ketua Pengarah Dasar dan Timbalan Ketua Pengarah Permuziuman dan antara rumusannya ialah yang berkenaan perancangan yang komprehensif harus dibuat bagi memastikan kejayaan dalam melaksanakan program pada tahun hadapan, namun tertakluk kepada peruntukan kewangan yang mencukupi.



**BICARA@  
MUZIUM**

# KEINDAHAN MOTIF DAN REKA CORAK TEKSTIL MELAYU

Oleh: Salmiahwati binti Djafar, Muzium Tekstil Negara

**KUALA LUMPUR** - Program Bicara@Muzium merupakan program *signature* Jabatan Muzium Malaysia (JMM) untuk menyebarkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat dan mendokumentasikan warisan sejarah, kebudayaan dan alam semulajadi negara.

Pada 18 Oktober 2022 yang lepas, Muzium Tekstil Negara (MTN) telah melaksanakan program Bicara@Muzium dengan tema “Keindahan Motif dan Reka Corak Tekstil Melayu” yang diadakan bersempena dengan Pameran Motif dan Reka Corak Tekstil yang kini sedang berlangsung di Galeri Saindera, MTN. Program ini merupakan program kerjasama dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan menampilkan tiga orang barisan panel yang terdiri daripada para pesyarah UiTM, iaitu Prof. Madya Dr. Arbai'iyah Ab Aziz, Prof. Madya Dr. Mohd Azhar Samin dan Dr. Zamrudin Abdullah. Moderator pada sesi bicara ini dikendalikan oleh Puan Rosidah binti Abdullah, Mantan Pengarah Muzium Tekstil Negara.

Sesi Bicara@Muzium dimulakan oleh Prof. Madya Dr. Arbai'iyah Ab Aziz selaku panel pertama yang mengupas tajuk “Keindahan Motif dan Kemurnian Falsafah dalam Tenunan Songket Melayu Terengganu”. Antara intipati perbincangan yang diketengahkan ialah kepelbagaian dan inspirasi motif dalam tenunan songket serta simbolik dan makna di sebalik pemilihan motif dalam tenunan songket. Seterusnya, sesi bicara diteruskan oleh panel kedua, iaitu Prof. Madya Dr. Mohd Azhar Samin yang membicarakan tajuk “Menyingkap Realiti Ciri Reka Bentuk, Jenis Motif dan Reka Corak Kain Pelangi Tradisional Warisan Tempatan”. Topik perbincangan ini mengupas mengenai keunikan dan perbezaan kain pelangi dengan batik pelangi dan teknik ikat celup; proses pembuatan kain pelangi; dan keindahan motif-motif yang menghiasi kain pelangi. Sesi bicara diteruskan oleh panel ketiga, iaitu Dr. Zamrudin Abdullah yang membicarakan tajuk “Inspirasi Ragam Hias Melaka dalam Rekaan Batik Kontemporari (Cetusan Ilham dari TEJABATIK)”. Antara pengisian topik perbincangan ialah inisiatif dan usaha oleh UiTM Melaka dalam memartabatkan ikon negeri Melaka sebagai motif batik; kepelbagaian produk batik bermotifkan bunga kesidang; dan potensi dan cabaran dalam memasarkan batik Melaka.

Program ini turut dihadiri oleh Ketua Pengarah JMM, Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, para penggiat seni tekstil, ahli akademik, ketua jabatan dan agensi, institusi permuziman dan para pelajar. Dianggarkan seramai 170 orang tetamu jemputan yang hadir memeriahkan majlis ilmu ini. Secara keseluruhan, program berjalan dengan lancar dan berjaya mencapai objektif yang disasarkan.



Kehadiran Ketua Pengarah JMM, Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Pengarah Muzium Tekstil Negara, Tengku Intan Rahimah Tengku Mat Saman dan barisan panel penceramah.



Sesi Soal Jawab



Sesi Penyampaian Cenderamata



BICARA KURATOR  
SIRI 4/2022



Oleh: Azila binti Rohani@Rosani, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi

**KUALA LUMPUR** – 13 September 2022 Program Bicara Kurator merupakan platform untuk pegawai dan kakitangan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) membentangkan hasil penyelidikan, kepakaran dan pengalaman mereka yang berkaitan dengan sejarah, kebudayaan dan alam semula jadi. Bagi siri 4/2022 Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi (BPD) telah menampilkan penceramah luar bagi membincangkan topik yang menarik iaitu *Orphan Works*. Kedua-dua penceramah yang dijemput daripada dua latar belakang yang berbeza iaitu Dr. Muhamad Helmi bin Muhamad Khair, Pensyarah Undang-Undang, UiTM Shah Alam dan Puan Zanita binti Anuar, Pengarah Bahagian Pengurusan Pameran, Koleksi dan Konservasi, Balai Seni Negara dan moderator ialah Puan Miti Fateema Sherzeella binti Mohd Yusoff.

Apa itu *ORPHAN WORKS*? Satu istilah yang merujuk kepada karya-karya (penulisan, gambar, lukisan dan arca) yang masih dilindungi hak cipta tetapi hasil karya tidak dapat dijejaki siapa pemilik asalnya. Dari sudut undang-undang hak cipta, *orphan works* merupakan bahan-bahan yang berkecenderungan mendedahkan pengguna karya-karya tersebut kepada risiko perundangan (disaman). Ini boleh berlaku sekiranya para pengguna menggunakan *orphan works* tanpa mendapatkan persetujuan dari pemilik hak ciptanya.

Dalam perkongsian Dr Helmi berdasarkan hasil dari kajian yang dijalankan badan-badan diperingkat antarabangsa telah berusaha dalam menentukan jumlah dan saiz *orphan works* yang disimpan dalam institusi-institusi memori, kebudayaan, dan warisan (seperti muzium, perpustakaan, dan galeri seni). Di United Kingdom misalnya, *The Collections Trust and the Strategic Content Alliances* telah mendapatkan maklum balas dari 500 responden institusi,

dan berpendapat bahawa sejumlah 13 juta *orphan works* tersimpan dalam koleksi mereka. Seperti negara-negara lain, Malaysia juga tidak terlepas dari berhadapan dengan isu *orphan works*. Dapatan awalan melalui sesi temu ramah dengan institusi-institusi memori utama di Malaysia menunjukkan kira-kira 1% sehingga 20% koleksi mereka berkemungkinan adalah *orphan works*. Ini merupakan satu petunjuk yang jelas bahawa institusi-institusi memori di Malaysia juga menyimpan karya-karya yang berisiko seperti *orphan works* dan yang perlu ditadbir urus dengan baik. Justeru, melalui sesi perkongsian ini, Dr Helmi telah menerangkan dengan lebih jelas tentang *orphan works* dan model-model yang diguna pakai oleh beberapa negara dalam membenarkan pengeksploitan *orphan works*. Dr Helmi juga memberikan beberapa cadangan yang boleh diambil oleh pemegang taruh, pengguna-pengguna dan agensi-agensi kerajaan dalam mengusulkan satu penyelesaian yang bersifat holistik kepada isu pengurusan dan pengeksploitan *orphan works*, terutamanya yang tersimpan dalam koleksi institusi memori dan kebudayaan seperti muzium, perpustakaan, dan galeri seni.

Puan Zanita pula banyak berkongsi pengalaman dan cabaran beliau dalam menguruskan koleksi *orphan works* yang berada di dalam simpanan Lembaga Seni Visual Negara (LSVN). Sepanjang pembentangan tersebut, beliau turut berkongsi beberapa contoh koleksi LSVN, video dan penulisan bagaimana muzium-muzium luar telah mengambil iktibar dan langkah dalam menyediakan data *orphan works*. Dalam masa yang sama beliau mencungkil dan membincangkan bagaimana pengamal muzium boleh menjejaki sesuatu pelan halatuju pengurusan koleksi yang sebegini.



# Keunikan MUTIARA HUTAN

Oleh: Norshidah binti Mohd Mastura, Muzium Alam Semula Jadi

**KUALA LUMPUR** - 6 Oktober 2022, bertempat di Bilik Persidangan, Jabatan Muzium Malaysia, Muzium Alam Semula Jadi telah menganjurkan satu program *Bicara@Muzium* yang menentang tajuk Keunikan Mutiara Hutan. *Bicara* ini telah disampaikan oleh Pegawai Penyelidik Kanan, Bahagian Bioteknologi Perhutanan, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) iaitu Puan Nashatul Zaimah binti Noor Azman bersama Encik Mohd Ridhuan bin Akhiruddin, Penolong Kurator, Muzium Alam Semula Jadi selaku moderator.

Mutiara hutan yang dimaksudkan penceramah ialah biji benih pokok hutan, yang merupakan sumber utama bagi kewujudan dan kemandirian pokok-pokok hutan. Malaysia sangat kaya dengan sumber hutan hujan tropika yang menjadi rumah kepada kepelbagaian biodiversiti flora. Terdapat pelbagai spesies pokok kayu keras yang bernilai dan bermutu tinggi seperti meranti, cengal, keruing, merbau, balau, seraya dan kapur. Pokok-pokok hutan biasanya mempunyai musim berbuah yang tertentu, ada yang berbuah setiap tahun dan ada juga berbuah sekali dalam tempoh 2 hingga 7 tahun.

Menurut Puan Nashatul Zaima, biji benih hutan mempunyai ciri-ciri dan keunikannya yang tersendiri iaitu dari segi fungsi, rupa bentuk, warna dan saiz. Sebagai contoh, kebiasaannya biji benih meranti mempunyai lima sayap (tiga panjang dan dua pendek), biji benih cengal tidak mempunyai sayap, keruing bersayap dua, kapur mempunyai lima sayap yang sama panjang. Tidak terhad kepada biji benih bersaiz besar, terdapat juga biji benih yang bersaiz kecil dan halus, mempunyai warna, rupa bentuk yang pelbagai. Selain mempunyai ciri-ciri fizikal yang berbeza, karakter biji benih juga berbeza mengikut kategori iaitu *orthodoks*, *intermediate* dan *rekalsitran*. Selain itu, biji benih hutan juga turut digunakan sebagai sumber bahan tanaman bagi pelbagai aktiviti seperti lanskap, tanaman mengaya dan pemuliharaan terutama spesies pokok terancam dan jarang ditemui. Bagi menambahkan pemahaman peserta, panel jemputan turut menyediakan tayangan video mengenai kaedah pengambilan



sampel biji benih pokok di lapangan yang sangat mencabar.

Program secara *hybrid* ini telah dihadiri seramai 30 orang peserta secara fizikal dan 70 orang secara *ZOOM Meeting* dan *FB Live*. Peserta yang hadir terdiri dari agensi-agensi kerajaan, swasta serta persatuan seperti Jabatan Perhilitan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, serta Persatuan Pemandu Pelancong Kuala Lumpur (KLTGA) dan orang persendirian.

Program sebegini sememangnya dapat membuka minda para peserta untuk lebih mengenali dan mengetahui tentang kepentingan biji benih hutan seterusnya menghargai khazanah alam semula jadi negara kita.





BICARA TOKOH  
@ MUZIUM

# DATUK HASSAN SANI LAGENDA BOLA SEPAK MALAYSIA

Oleh: Zuriani binti Abd Ghani, Muzium Labuan

**LABUAN** - Program Bicara Tokoh@Muzium: Datuk Hassan Sani Lagenda Bola Sepak Malaysia anjuran Muzium Labuan telah diadakan pada 2 Oktober 2022, bertempat di Anggerik Square, Kompleks Ujana Kewangan Wilayah Persekutuan Labuan. Program ini bermula dari jam 9.30 hingga 1.00 tengahari dan diadakan secara bual bicara yang dikendalikan oleh Puan Rohana binti Hussin, Pengarah Muzium Labuan sebagai moderator. Datuk Hassan Sani merupakan lagenda bola sepak negara yang tidak asing lagi dan beraksi cemerlang pada 1970an dan 1980an. Objektif program ini ialah untuk berkongsi maklumat dan pengetahuan terutamanya kepada generasi muda untuk lebih mengenali tokoh-tokoh sukan di Wilayah Persekutuan Labuan. Selain itu, program ini menjadi salah satu alternatif mendapatkan sumber fakta sejarah berkaitan tokoh sukan tempatan untuk pendokumentasian. Tetamu jemputan yang turut hadir ialah En. Sufian bin Said, Presiden Persatuan Bola Sepak Labuan (LAFA). Program ini telah dihadiri oleh 85 orang peserta yang terdiri daripada ahli sukan veteran sekitar Labuan yang pernah mewakili Malaysia di peringkat kebangsaan dan Sukan Komanwel, ahli Persatuan LAFA, ahli persatuan-persatuan dan kelab sukan, serta pelajar-pelajar sekolah.

Sesi bual bicara ini menfokuskan kepada pengalaman dan pencapaian kerjaya Datuk Hassan sebagai pemain bola sepak diperingkat kebangsaan dan antarabangsa. Datuk Hassan Sani dilahirkan pada 12 Mac 1958 di Labuan. Beliau pernah bermain bersama Sabah FA dan Kuala Lumpur FA dalam Liga Malaysia dalam tahun 1970an dan 1980an. Beliau juga merupakan bekas penyerang kebangsaan negara dan turut digelar "Lipas Kudung" kerana ketangkasan dan kelincihan bermain bola sepak serta kemampuan beliau membuat hantaran bola untuk menghasilkan gol. Pada tahun 1979, beliau membantu Sabah muncul naib juara Liga Malaysia 1979 dan Sabah juga merupakan pasukan yang menjaringkan gol paling banyak dengan 49 gol. Antara pencapaian cemerlang beliau ialah terpilih mewakili pasukan remaja Malaysia dalam Asian Youth Cup di Tehran, Iran, mewakili pasukan Malaysia dalam Pra Piala Dunia di Kuwait pada tahun 1981 dan mewakili pasukan Sabah dalam Piala Malaysia serta Liga Semi Professional pada tahun 1985 hingga 1992. Selaku pemain kebangsaan beliau telah meraih pingat emas di Sukan Sea, Jakarta pada tahun 1979 serta menjuarai Pesta Bola Merdeka pada tahun 1980. Selain itu, beliau juga turut menyertai beberapa kejohanan sempena hari kemerdekaan negara di Asia seperti Piala Raja Thai, Bangkok, Piala Presiden, Korea Selatan dan Piala Tiger, Singapura dan mewakili Asia dalam Asian All Stars Tournament. Lagenda bola sepak negara ini diberi pengiktirafan tinggi di peringkat antarabangsa pada tahun 1996 hingga 1999, beliau terpilih mewakili Malaysia dalam World Beach Tournament di Kuala Lumpur, Rio De Janeiro, Brazil dan Lisbon, Portugal.

Kemuncak karier beliau bersama pasukan kebangsaan Malaysia ialah ketika bermain dalam




Urusetia Program Bicara Tokoh@Muzium: Datuk Hassan Sani Lagenda Bola Sepak Malaysia

perlawanan bola sepak di peringkat kelayakan Sukan Olimpik 1980. Kenangan manis beliau semasa peringkat kelayakan ini ialah apabila menerima bola hantaran Khalid Ali dan membuat larian pantas seterusnya membuat hantaran kepada Datuk James Wong untuk menghasilkan jaringan gol kemenangan Malaysia mengalahkan Korea Selatan dengan mata 2-1. Ini telah membantu skuad bola sepak negara untuk layak beraksi di Sukan Olimpik, Moscow pada tahun 1980. Walau bagaimanapun, Malaysia tidak beraksi pada Sukan Olimpik 1980 kerana kerajaan Malaysia ketika itu membantah tindakan Soviet Union yang menceroob Afghanistan.

Datuk Hassan Sani bersara sebagai pemain bola sepak kebangsaan pada tahun 1986. Berdasarkan pengalaman luas beliau turut menyaksikan beliau dilantik sebagai Penolong Pengurus Pasukan Liga Perdana Sabah selama dua tahun (2015 – 2016) dan sebagai Penasihat Pembangunan Bola Sepak Sabah (SAFA) dari tahun 2017 hingga 2020. Kini, beliau berkhidmat sebagai Pegawai Pertandingan, Persatuan Bola Sepak Sabah.

Pameran Khas Koleksi Datuk Hassan Sani juga turut diadakan sempena program ini yang mempamerkan koleksi peribadi Datuk Hassan Sani serta informasi berkaitan penglibatan awal, pencapaian sebagai pemain bola sepak kebangsaan, sumbangan dalam pembangunan sukan bola sepak negara serta pengiktirafan yang diterima. Selain itu sesi bertemu peminat turut diadakan disamping aktiviti lain termasuklah permainan jom tendang dan timbang bola.

Program seumpama ini merupakan salah satu inisiatif yang baik bagi mendokumentasi maklumat tokoh dan personaliti unggul di Wilayah Persekutuan Labuan. Diharap program ini dapat diteruskan lagi di masa hadapan dengan menampilkan tokoh politik, masyarakat dan sukan yang lain supaya mereka lebih dikenali sebagai insan yang banyak memberi sumbangan jasa dan bakti kepada negara.







# KERAJAAN MELAYU TONGGAK PERADABAN MARITIM

Oleh: Syahrizul Amin bin Ahmad, Muzium Diraja

**KUALA LUMPUR** - Program Bicara Galeri siri ke 3 bagi tahun 2022 membicarakan tajuk “Kerajaan Melayu Tonggak Peradaban Maritim” telah diadakan pada 27 September 2022 secara atas talian. Program ini disampaikan oleh YBhg. Dr. Mohd Hazmi bin Mohd Rusli iaitu Pensyarah di Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. Bidang kepakaran beliau merangkumi bidang undang-undang laut dan kajian tentang sumbangan kerajaan-kerajaan Melayu terhadap perkembangan perdagangan di Melaka.

Dr. Mohd Hazmi memulakan perkongsian dengan menyoroti Melaka yang merupakan pusat ketamadunan kepulauan Melayu, dan laluan utama perdagangan antara India di sebelah barat dan China di sebelah timur. Kota Melaka mempunyai penduduk sekitar 100,000 setara dengan Kota Paris dan Naples pada kurun ke 15 yang menunjukkan betapa agungnya kerajaan ini pada waktu itu.


Rekod telah membuktikan kewujudan Undang-Undang Laut ketika Sultan Mahmud Shah memerintah (1488-1511) sedangkan buku yang ditulis oleh sarjana barat menunjukkan hanya pada tahun 1609. Kesultanan Melayu merupakan penyumbang dan tonggak kepada peradaban maritim yang digunapakai sehingga ke hari ini. Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka merupakan undang-undang yang digunapakai oleh kerajaan Melayu bagi mentadbir aliran perdagangan dan menjaga keselamatan.

Walaupun Melaka terjajah pada tahun 1511, ini tidak bererti seluruh kepulauan Melayu dijajah sepenuhnya. Masih banyak lagi kerajaan Melayu yang masih merdeka dan diperintah oleh kerajaan Melayu yang berdaulat. Dr. Mohd Hazmi turut memetik kenyataan seorang sarjana barat yang bernama Nicholas Tarling yang pernah menyatakan kejayaan Srivijaya adalah kerana kepakaran orang-orang Melayu dalam urusan pelayaran.

Kesimpulan yang dapat dibuat sepanjang program ini ialah Malaysia yang ada pada hari ini kekal sebagai sebuah negara perdagangan paling penting di dunia dan antara negara yang memiliki pelabuhan paling sibuk di dunia iaitu Pelabuhan Klang. Walaupun kerajaan-kerajaan ini pernah dijajah, kesan peradaban maritim tetap kekal sehingga hari ini. Program yang berlangsung selama 1jam ini turut menyaksikan interaksi secara maya antara penceramah dan pelayar.




Poster Program



Dr. Mohd Hazmi berkongsi dapatan beliau tentang kerajaan-kerajaan awal di abad ke-15 hingga abad ke-18 Masihi



Program dibuat secara atas talian menggunakan platform zoom dan dipancarkan ke Facebook Muzium Diraja Kuala Lumpur



BICARA@  
MUZIUM

## SEJARAH PENYELIDIKAN ARKEOLOGI LEMBAH BUJANG

Oleh: Mohd Faudzi bin Sulaiman, Muzium Arkeologi Lembah Bujang

**LEMBAH BUJANG, KEDAH** - Program Bicara@Muzium di Muzium Arkeologi Lembah Bujang dengan tema Sejarah Penyelidikan Arkeologi Lembah Bujang telah diadakan pada 5 September 2022 dan menampilkan dua orang tokoh permuziuman yang pernah menjalankan penyelidikan arkeologi di Lembah Bujang iaitu Datuk Paiman bin Keromo, mantan Ketua Pengarah Jabatan Muzium dan Antikuiti dan Tn Haji Zulkifli bin Jaafar, mantan Pengarah Muzium Arkeologi Lembah Bujang. Moderator program ialah saudara Mohd Faudzi Sulaiman dari Muzium Arkeologi Lembah Bujang.

Kedua-dua ahli panel merupakan ahli pasukan arkeologi awal yang membuat penyelidikan dan kerja-kerja carigali arkeologi di tapak-tapak bersejarah Lembah Bujang sekitar tahun 1970an.

Ahli panel pertama Datuk Paiman bin Keromo banyak menyentuh tentang sejarah penemuan Lembah Bujang serta pembentukan bahagian antikuiti selaras dengan kelulusan Akta Bendapurba 168 yang berkuatkuasa pada tahun 1976. Peranan awal NASRU (*National Archaeological Survey and Research Unit*) ialah;

- i) bertanggungjawab melaksanakan survei dan mengenalpasti tapak-tapak arkeologi negara
- ii) melaksanakan kerja-kerja penyelidikan dan ekskavasi arkeologi negara, dan
- iii) melaksanakan kerja-kerja pemeliharaan monumen dan tapak-tapak arkeologi negara.

Selaras dengan ini Lembah Bujang diwujudkan sebagai pusat penyelidikan Arkeologi Negara tujuan mempelajari dan memperkayakan sejarah negara dan memartabatkannya di peringkat dunia. Status dan potensinya yang diperakui oleh peserta projek Intra-ASEAN: Ekskavasi Arkeologi dan Konservasi Lembah Bujang, Kedah 1985, kerana memiliki berpuluh ribu manik purba dan salah satu lokasi pembuat manik di kawasan Indo-Pasifik menjadikan ia tapak yang komprehensif.

Pada tahun 2016 dalam Festival Kedah Tua Profesor Dr Steven Oppenheimer serta pakar arkeologi yang mewakili tamadun utama dunia seperti Mesopotamia, Indus, Mesoamerica, China dan Greek-Rome menandatangani plak pengisytiharan Tamadun Kedah Tua (Lembah Bujang) sebagai tamadun terawal dan tertua di Asia Tenggara.

Ahli Panel kedua Tn Haji Zulkifli bin Jaafar turut membicarakan tentang sejarah penyelidikan arkeologi yang merupakan satu pendekatan untuk mendapatkan bukti fizikal mengenai masyarakat silam bagi mencungkil sejarah dan budaya masyarakat tersebut. Penyelidikan Arkeologi terdiri daripada;

- i) Arkeologi prasejarah – merujuk kepada zaman silam kewujudan manusia sehingga tulisan diperkenalkan sekitar 3,000 tahun dahulu.

- ii) Arkeologi protosejarah – kajian terhadap tinggalan budaya masyarakat silam yang tidak meninggalkan rekod-rekod bertulis tetapi kewujudannya diceritakan oleh penulis atau tercatat dalam rekod-rekod luar yang sezaman dengannya. Di antaranya termasuklah Lembah Bujang, Kuala Selinsing, Beruas, Langkasuka dan Srivijaya.
- iii) Arkeologi Sejarah
- iv) Arkeologi Industri
- v) Arkeologi bawah air
- vi) Etno – arkeologi.

Menurut Tn Haji Zulkifli terdapat dua teori tentang Lembah Bujang iaitu teori Kolonialisasi dan teori Indianisasi. Teori Kolonialisasi dicadangkan berdasarkan kajian HG Quaritch Wales berkonsepkan India Raya (*The Greater India*) yang mengatakan bahawa entiti politik di kepulauan Melayu telah ditakluk oleh kuasa-kuasa dari India selatan seperti Dinasti Pallava, Pala dan Chola. Teori bersandarkan interpretasi jumpaan-jumpaan prasasti, arca Hindu-Buddha dan monumen Hindu-Buddha yang wujud merupakan tinggalan pendatang dari India yang menjajah Lembah Bujang. Manakala teori Indianisasi dicadangkan oleh Datuk Dr Nik Hassan Shuhaimi dari UKM yang mengatakan proses akulturasi budaya ke atas penduduk tempatan di Lembah Bujang adalah hasil hubungan yang berterusan dengan pedagang dari India yang membawa kepada perkembangan sosio ekonomi di Lembah Bujang. Teori ini menggariskan bahawa perkembangan Lembah Bujang sebagai sebuah entrepot telah membawa wujudnya hubungan di antara penduduk tempatan dan pedagang India. Hubungan yang wujud ini seterusnya membawa kepada perkembangan agama Hindu dan Buddha dalam kalangan penduduk tempatan. Penemuan candi dan arca adalah hasil dari akulturasi budaya tersebut.

Seramai 100 peserta dari Insitut Perguruan Perlis, Universiti, AIMST, IPG Sg Petani, Jabatan Warisan Negara Wilayah Utara, Galeri Arkeologi Lenggong, Muzium Perak, Muzium Negeri Pulau Pinang dan lain-lain telah mengikuti Bicara ini.



# PENGANJURAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH SEAMEO SPAFA KE 37 (37th SEAMEO SPAFA GOVERNING BOARD MEETING)

Oleh: Sharipah Lok Lok binti Syed Idrus, Unit Dasar dan Perancangan Strategik



Ahli Lembaga Pengarah SEAMEO SPAFA bersama Ketua Pengarah JMM dan Seketeriat

**JALAN HANG TUAH, MELAKA** – Bermula 17 hingga 21 September 2022, **Southeast Asian Ministers of Education Organization (SEAMEO) Southeast Asian Regional Centre for Archaeology and Fine Arts, (SPAFA)** atau **SEAMEO SPAFA** dengan kerjasama Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) telah menganjurkan Mesyuarat Lembaga Pengarah **SEAMEO SPAFA** ke 37 bertempat di Hotel LaCrista, Jalan Hang Tuah, Melaka.

Mesyuarat ini buat julung kalinya diadakan di Malaysia selaku tuan rumah menerusi Jabatan Muzium Malaysia. Negeri Melaka dipilih sebagai lokasi penganjuran mesyuarat pada kali ini bersesuaian dengan kedudukannya sebagai Bandaraya Bersejarah dan Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Mesyuarat Ahli Lembaga SEAMEO SPAFA (*SEAMEO SPAFA Governing Board Meeting*) ini merupakan mesyuarat berkala yang diadakan setiap tahun. SEAMEO SPAFA merupakan sebuah pusat serantau yang menggalakkan kecekapan profesional, kesedaran dan pemeliharaan warisan budaya dalam bidang permuziuman, arkeologi serta seni halus di Asia Tenggara. Ditubuhkan pada tahun 1971, dengan nama ARCAFA (*Applied Research Centre in Archaeology and Fine Arts*) sebelum SEAMEO memberi nama baru iaitu Projek SEAMEO dalam Arkeologi dan Seni Halus (SPAFA) pada tahun 1978. SPAFA kemudiannya menjadi projek utama SEAMEO pada tahun 1981 dan selepas itu terus dikenali sebagai **SEAMEO SPAFA** Pusat ini adalah sebahagian daripada Pertubuhan Menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO), sebuah organisasi antarabangsa yang berdedikasi untuk


menggalakkan kerjasama dalam pendidikan, sains dan budaya di Asia Tenggara.

Malaysia telah menyertai SEAMEO SPAFA dari tahun 1978. Keahlian SEAMEO SPAFA termasuklah Thailand, Singapura, Cambodia, Brunei, Myanmar, Vietnam, Indonesia, Lao PDR, Filipina, Timor-Leste. Bagi perwakilan mesyuarat kali ini, tiada penyertaan Ahli Lembaga Pengarah dari Indonesia dan Timor-Leste disebabkan masih menunggu pencalonan Ahli Lembaga yang baru selepas tamat tempoh perkhidmatan. Selain negara di rantau Asia Tenggara, SEAMEO SPAFA turut disertai 8 buah negara lain sebagai anggota bersekutu iaitu Australia, Canada, Germany, France, New Zealand, Netherlands, Spain dan United Kingdom.

Selain bermesyuarat lawatan ke tapak warisan UNESCO dan tapak pelancongan lain seperti Bangunan The Stadthuys, Gereja St Paul, Bukit Melaka, A Famosa, Persiaran Jonker dan Muzium di sekitar Bandar Hilir, Melaka turut menjadi sebahagian daripada agenda program.

Kehadiran Ahli Lembaga SEAMEO SPAFA yang dianggotai pegawai profesional yang berpengalaman dan berkepakaran dalam bidang permuziuman, warisan dan budaya ini telah berjaya meningkatkan hubungan serta kerjasama dua hala dan serantau dalam bidang warisan kebudayaan terutamanya bidang permuziuman, arkeologi dan seni halus bukan sahaja di antara Malaysia dengan negara-negara Asia Tenggara tetapi juga dengan negara-negara anggota bersekutu yang lain di bawah platform SEAMEO SPAFA.





28 September 2022 -  
Lawatan Penanda Aras dan Perbincangan MoU  
Program Ijazah Sarjana Muda Sastera Sejarah  
Gunaan (BAH) Bersama UUM & JMM



30 September 2022 -  
Lawatan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Azizah  
Aminah Maimunah Iskandariah dan Delegasi ke MTN



7 November 2022 -  
Lawatan Kerja Rasmi YBr.  
Encik Mohd Yusri bin Mohd  
Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha  
(Kebudayaan) Kementerian  
Pelancongan Seni dan Budaya,  
dan Sesi Walk About Pameran 100  
Tahun Trofi H.M.S Malaya,  
di Muzium Negara





3 November 2022 -  
Lawatan Kerja Ms Jane Gerardo  
Abaya, Director of Dept of Technical  
Cooperation, Asia & Pacific Division,  
IAEA ke JMM Dan Muzium Negara



15 Disember 2022 -  
Lawatan Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk  
Aaron Ago Dagang Ke JMM



## SEMARAK@MUZIUM ADAT 2022: MENGGAJUKAN PENGUNJUNG NEGERI SEMBILAN BERTANDANG KE MUZIUM ADAT, JELEBU

Oleh: Azlan bin Faizdir, Muzium Adat

**JELEBU, NEGERI SEMBILAN** - 24 dan 25 September 2022 telah dipilih sebagai tarikh penganjuran Program Semarak@Muzium Adat. Dengan bertemakan "Adat Disanjung, Budaya Disemarakkan" majlis ini telah diserikan dengan kehadiran Kebawah Kaus Y.T.M Dato' Mendika Menteri Akhirul Zaman Dato' Haji Maarof bin Haji Mat Rashad Undang Luak Jelebu ke-16 yang seterusnya menyempurnakan perasmian majlis. Turut hadir ke majlis ini adalah YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, Y.B. Dato' Ir. Haji Bakri bin Sawir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klawang merangkap Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Y.B Datuk Seri Jalaluddin bin Alias, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan merangkap Ahli Parlimen Jelebu, Y.D.H Ketua Polis Daerah, seterusnya Ketua Jabatan/Wakil agensi kerajaan sekitar Daerah Jelebu dan Negeri Sembilan. Program yang berlangsung selama dua hari ini telah menyasarkan kehadiran pengunjung sekitar 2000 orang. Pengisian program termasuklah

persembahan kebudayaan, seni silat dan sewang, pameran pelbagai agensi kerajaan, pertandingan congkak, mewarna, melukis (sekolah rendah dan menengah), gubahan siri junjung, demonstrasi membuat sumpit, demonstrasi masakan tradisional, Bicara@Muzium, cabutan bertuah, jualan buku, produk makanan dan lain-lain.

Objektif utama program ini ialah untuk memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai peranan muzium yang bukan hanya kepada pameran namun sebagai sebuah institusi pendidikan tidak formal yang berkeupayaan menyediakan pelbagai program kepada masyarakat. Program seumpama ini boleh dijadikan platform terbaik bagi menyemai rasa cinta dan sayang terhadap sejarah khususnya dikalangan generasi muda dan pelajar. Selain itu, ia turut melakar jaringan hubungan kerjasama berterusan diantara Muzium Adat dengan pelbagai agensi lain bagi memperkasa dan mempromosi pelancongan negara dan seterusnya meletakkan Muzium Adat sebagai salah sebuah ikon pelancongan yang wajib dilawati di Negeri Sembilan.



Lawatan ke khemah demonstrasi masakan tempoyak daun kayu oleh YBrs. Encik Mohd Razaimi bin Hamat TKPP, JMM.



Y.Bhg. Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim, K.P JMM ditemani Encik Mohd Razaimi bin Hamat, TKP(P)JMM, Encik Mohd Shahrir bin Ali, Ketua Muzium Adat menyampaikan hadiah pemenang dan saguhati kepada peserta pertandingan mewarna ketagori pra sekolah.



Lawatan Undang Luak Jelebu ke khemah demonstrasi pembuatan dodol cair dengan diiringi oleh Pengurusan Tertinggi JMM dan Tetamu V.I.P yang hadir



# SEMARAK@MUZIUM

SIRI II Oleh: Nor Aini binti Hassan, Muzium Matang



**MUZIUM MATANG** – Pada 15 dan 16 Oktober 2022, Muzium Matang sekali lagi menganjurkan program Semarak@Muzium Siri II. Program ini merupakan kesinambungan penganjuran Semarak@Muzium Siri I. Program yang bertemakan kepahlawanan dan srikandi Melayu ini telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Encik Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Wan Mohd Isa bin Dato' Haji Wan Mohd Razali, Orang Besar Jajahan Larut Matang dan Selama dan Encik Mohd Nasrul Bin Menhat, Pegawai Daerah Larut Matang dan Selama. Program ini melibatkan penyertaan daripada jabatan dan agensi swasta, termasuklah Jabatan Penerangan Negeri Perak dan Majlis Perbandaran Taiping.

## BICARA GALERI: IDENTITI DAN KEDAULATAN

Oleh: Syahrizul Amin bin Ahmad, Muzium Diraja

**KUALA LUMPUR** - Pada 20/10/2022 telah berlangsung program Bicara Galeri siri ke-4 yang merupakan siri terakhir bagi tahun 2022. Seorang lagi ahli akademik yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas dalam bidang satelit telah dijemput bagi berkongsi dapatan dengan tajuk "Identiti dan Kedaulatan" iaitu YBhg Prof. Dr. Azmi bin Hasan. YBhg Prof Dr. Azmi bin Hasan merupakan seorang GeoStrategis dan Felo Kanan Akademi Penyelidikan Strategik Nusantara (NASR). Walaupun mempunyai kepakaran dalam bidang satelit tetapi beliau mempunyai minat yang mendalam dalam hal ehwal pertahanan strategik dan geopolitik.

Ketika sesi perkongsian ini, beliau banyak memberikan pelbagai contoh pemahaman dan perspektif jati diri yang diterapkan oleh pemimpin negara-negara jiran seperti Singapura dan Indonesia. Beliau turut meletakkan contoh negara Amerika Syarikat dalam membentuk jati diri rakyat. Sejarah awal Amerika Syarikat menunjukkan bagaimana Negara itu masih mengekalkan nama negara walaupun berlaku perubahan melibatkan kemasukan negeri-negeri lain yang bersetuju membentuk kesatuan sejak dari tahun 1776. Negara seperti Amerika Syarikat sentiasa menganggap mereka adalah sebuah negara yang berkuasa, sentiasa mempromosikan operasi tentera serta tidak berminat mengikuti saranan dari negara lain. Perkara-perkara seumpama inilah yang membentuk jati diri rakyat Amerika Syarikat yang hanya tahu tentang negara mereka sahaja.

Beliau turut memberikan contoh bagaimana strategi Indonesia yang sering bermain dengan sentimen perang dalam menaikkan amarah rakyat supaya marah pada negara jiran walaupun dalam isu-isu yang boleh dianggap kecil. Ini merupakan strategi mereka



Jabatan Penerangan Negeri Perak telah membantu dalam aktiviti tayangan wayang pacak filem "Mat Kilau", selain menaja makanan semasa tayangan. Semarak@Muzium Siri II juga dipenuhi dengan aktiviti demonstrasi memasak makanan tradisi seperti mengacau dodol, mengacau wajik, membuat putu piring dan kuih peniram serta mencucuk satay. Pengunjung juga berpeluang membuat saringan kesihatan dan mempelajari teknik membuat wau dan bermain permainan tradisional seperti congkak serta layang-layang. Selain itu, persembahan kesenian, persembahan silat tempur dan persembahan daripada artis tempatan turut mendapat perhatian pengunjung.

Program ini telah menerima jumlah pengunjung seramai 6887 orang. Diharap dengan penganjuran program seperti ini dapat mengimarahkan lagi muzium untuk mendekati masyarakat. Kedudukan Muzium Matang dalam daerah zon eko pelancongan dapat dijadikan daya penarik dalam mempromosikan daerah ini sebagai salah satu destinasi pelancongan domestik.



dalam membentuk jati diri dan kedaulatan rakyat Indonesia. Contoh lain termasuklah berkenaan penerimaan dan perspektif Singapura dalam menanggapi isu air dalam usaha pemerkasaan jati diri rakyat mereka. Singapura memandang isu air sebagai isu kedaulatan kerana bagi mereka perjanjian telah dimeterai. Manakala berbeza dengan Malaysia yang memandang isu air sebagai isu ekonomi.

Kesimpulan yang dapat dibuat dalam perkongsian ini ialah strategi yang digunakan Malaysia bersifat lebih lembut. Umpamanya, Malaysia tidak memainkan isu-isu seperti pencerobohan dan isu perang untuk menaikkan semangat patriotisma rakyat, malah media massa serta pemerintah sebolehnya akan menutup isu sebegini. Manakala negara jiran tidak pernah berkompromi dalam perihal kedaulatan negara mereka. Natiujahnya, strategi Malaysia dilihat sebagai kurang ampuh dalam menggunakan isu geopolitik serantau dalam membentuk jati diri rakyat Malaysia. Di akhir perkongsian, YBhg Prof. memberi pandangan dan nasihat agar Malaysia tidak terjebak dengan perbalahan dua kuasa, tidak terlibat dalam kancah peperangan dan tidak terlalu bersahaja dalam perihal jati diri warganegara.

# SEMARAK@MUZIUM, MUZIUM SUNGAI LEMBING

Oleh: Wahidayu A Wahab, Muzium Sungai Lembing

**KUANTAN, PAHANG** –Program Semarak@Muzium, Muzium Sungai Lembing dengan bertemakan ‘Muzium Sungai Lembing Dekat Dihati’ telah berlangsung dengan jayanya dari 30 September hingga 2 Oktober 2022. Penganjuran program ini bertujuan menyemarakkan lagi program dan aktiviti permuziuman serta merapatkan hubungan muzium dan masyarakat khususnya di Sungai Lembing dan sekitar Kuantan.

Bersempena program tersebut, beberapa aktiviti telah diaturkan termasuklah Bicara@Muzium, Ceramah Agama, Pameran Agensi Kerajaan, Swasta dan Komuniti Sungai Lembing, Persembahan Kebudayaan, Demostrasi serta Jualan Makanan Tradisional dan Kraftangan, Pertandingan Masakan, Pertandingan Nyanyian, Pertandingan Mewarna, Kayuhan *Fun Ride* dan *Fun Run*, cabutan bertuah dan banyak lagi.

Pada 30 September 2022, telah diadakan Program Bicara@Muzium yang berlangsung secara fizikal di Pentas Utama dan juga di platform *facebook live* Muzium Sungai Lembing. Dua panel iaitu Dato’ Mohd Amran bin Wahid dari Syarikat Myah Mine dan juga Encik Hanizam Shah bin Saidin dari Jabatan Mineral dan Geosains Pahang telah dijemput bagi mengupas tajuk berkaitan perlombongan di Pahang. Peserta program ini terdiri dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta serta pelajar sekolah rendah dan menengah.

Program Ceramah Agama@Muzium Sungai Lembing yang menampilkan penceramah jemputan iaitu Ustaz Mohd Hafidz bin Mohamad Suhaile telah diadakan pada sebelah malam. Beliau membincangkan tajuk ‘Cintai Muzium: Mensyukuri Nikmat Kemerdekaan’. Kumpulan Qasidah Al-Jadid turut memberikan persembahan pada malam tersebut dengan membuat persembahan Qasidah dan Selawat Nabi.

Program Semarak@Muzium diteruskan dengan aktiviti senam seni yang disertai oleh peserta Kayuhan ‘Fun Ride’, Larian Fun Run dan komuniti Sungai Lembing. JMM yang diketuai oleh Timbalan Pengarah (Permuziuman), Encik Mohd Razaimi bin Hamat turut tidak ketinggalan menyertai ‘Fun Ride’. YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah JMM turut hadir untuk sesi pelepasan bagi kedua-dua acara tersebut. Peserta bagi dua acara tersebut terdiri daripada komuniti Sungai Lembing dan sekitar Kuantan.

Majlis Perasmian Program Semarak@Muzium disempurnakan oleh YB. Dato’ Haji Md Sohaimi bin Mohamed Shah, Ahli Dewan Negeri Sungai Lembing dan turut disertai dengan persembahan kebudayaan oleh Persatuan Silat Lian Pahang Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negeri Pahang. Hadir sama YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah JMM dan wakil dari Jabatan Kerajaan dan Swasta, sahabat muzium, komuniti Sungai Lembing serta pengunjung muzium.



Di sebelah petang pula, Program Semarak@Muzium diteruskan dengan Acara Pertandingan Memasak Ala-Ala Master Chef dan pertandingan tersebut telah dimenangi oleh JPKK Kampung Melayu. Acara diadili oleh Chef Jemputan, Encik Mohd Fairul dari Hotel Hilton, Kuala Lumpur. Acara turut diselang - selikan dengan sesi Radio Manis FM dan diakhiri dengan persembahan artis jemputan Kumpulan Iklim 2020.

Pada hari terakhir program diadakan Pertandingan Bola Sepak 9 Sebelah yang melibatkan tujuh pasukan yang terdiri daripada Komuniti Sungai Lembing. Kemenangan telah menjadi milik pasukan ‘Argentina’ Sungai Lembing. Aktiviti lain yang turut diadakan termasuklah Pertandingan Mewarna, Pertandingan Eksplorasi@Muzium, persembahan Story-Telling dan Pertandingan Bercerita yang melibatkan pelajar sekolah rendah sekitar Kuantan. Acara kemuncak program ialah Pertandingan Nyanyian Lagu Irama Malaysia dan acara tersebut telah dimenangi oleh Baiq Nurhani Balqis binti Murtam.

Penganjuran program seumpama ini diharap dapat memberi impak positif kepada semua pihak yang menyertainya dan pengunjung yang datang ke muzium. Diharapkan program ini dapat diteruskan sebagai pemangkin kepada Muzium Sungai Lembing untuk terus kekal relevan dan berprestij.





## PAMERAN EXPLORING TEXTILE OF MALAYSIA SEMPERNA PRECIOUS OF MALAYSIA 2022 DI UNIVERSITI MALAYA

Salmiahwati binti Djafar , salmiahwatidj@jmm.gov.my

**KUALA LUMPUR** - Bermula dari 5 hingga 18 Disember 2022, Muzium Tekstil Negara bersama Muzium Seni Asia, Universiti Malaya telah berkolaborasi menjayakan Pameran *Exploring Textile of Malaysia* bertempat di Perpustakaan Universiti Malaya bersempena program *Precious of Malaysia 2022*. Pameran ini menjadi salah satu pengisian utama program tersebut, selain aktiviti lain seperti *Fashion Week*, *Textile Talk*, gerai jualan dan persembahan kebudayaan.

Pameran ini telah dirasmikan oleh Y.M. Tengku Dato' Dr. Hishamuddin Zaizi Tengku Azman Shah Alhaj selaku Penaung FM Group pada 7 Disember 2022. Pameran ini mengetengahkan kepelbagaian, kekayaan dan keindahan koleksi tekstil pelbagai etnik di Malaysia menampilkan busana berbilang kaum merangkumi kaum Melayu, Cina, India, Orang Asli, Bumiputera Sabah dan Sarawak. Koleksi-koleksi tekstil seperti tenunan, diorama pembuatan tekat, sulaman, manik, batik dan hiasan kepala juga turut dipamerkan.

Aktiviti sampingan sepanjang pameran berlangsung termasuklah kuiz, aktiviti menghasilkan gelang perhiasan diri seperti gelang tiub, gelang manik jelai dan gelang manik tanah liat, aktiviti media sosial, jualan buku terbitan JMM dan jualan kit batik.

Penganjuran pameran seumpama ini amat bertepatan dalam usaha JMM dan rakan kolaborasi untuk menarik minat generasi muda mengenali budaya dan khazanah bangsa dan negara.



## Program Tok Dalang Cilik

Oleh: Nik Mazielia Idura Binti Nik Mohamed, Muzium Etnologi Dunia Melayu



**KUALA LUMPUR** - Pada 10 Disember 2022, Muzium Etnologi Dunia Melayu (MEDM) telah menganjurkan Program Tok Dalang Cilik. Program ini disertai oleh kanak-kanak berusia enam hingga 12 tahun. Pelbagai aktiviti dijalankan seperti lawatan berpandu di Segmen Wayang Kulit, D.I.Y Wayang Kulit dan Tok Dalang Cilik. Program ini bertujuan berkongsi maklumat tentang kebudayaan di Malaysia khususnya Seni Wayang Kulit kepada golongan ini. Peserta juga turut diberikan penerangan ringkas berkaitan Wayang Kulit Kelantan, Wayang Kulit Jawa dan Wayang Kulit Gedek. Selain itu, para peserta juga dapat merasai pengalaman membuat wayang kulit melalui kertas dan diberi peluang untuk menjadi Tok Dalang. Apa yang lebih menarik, MEDM turut memberi peluang kepada ibu bapa yang hadir untuk bersama-sama dengan anak mereka berdialog dan melakonkan watak wayang kulit di depan mini layar yang disediakan. Program ini bukan sahaja memberi pengalaman baru kepada peserta, tetapi kepada ibu bapa untuk sama-sama menghargai seni budaya teater tradisional tanah air. Semoga penganjuran program seumpama ini dapat menjadikan muzium sebagai platform dalam menyebarkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat serta melestarikan warisan, budaya dan tradisi bangsa.

## SESI *TRAINING OF TRAINERS* (ToT) PENTADBIR BAHAGIAN/MUZIUM/UNIT BAGI MODUL PENGURUSAN PRESTASI – *MYPERFORMANCE* HRMIS 2.0 SUB MODUL SASARAN KERJA UTAMA (SKU)

Oleh: Norzila Diana Binti Mansor, Unit Pengurusan Sumber Manusia

**KUALA LUMPUR** - Bermula 1 Januari 2024, *MyPerformance* akan menggantikan sistem penilaian prestasi LNPT HRMIS sebagai inisiatif penyesuaian sistem pengurusan prestasi berasaskan fungsi jabatan. Jabatan Perkhidmatan Awam telah menetapkan tempoh 2 tahun sebagai tempoh familiarisasi bermula 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2023. Selaras dengan hasrat tersebut, Unit Pengurusan Sumber Manusia telah mengadakan sesi latihan kepada kakitangan yang berperanan sebagai Pentadbir Bahagian/Muzium/Unit pada 27 dan 28 Oktober 2022 di Bilik Persidangan JMM. Seramai 42 orang Pentadbir telah menghadiri sesi secara fizikal dan diberi pendedahan melalui taklimat serta latihan *hands on* khususnya mengenai 2 sub modul *MyPerformance* iaitu Sasaran Kerja Utama (SKU) dan Penglibatan dan Sumbangan.



Para peserta sesi ToT yang terdiri daripada kakitangan di Ibu Pejabat dan muzium-muzium bersama-sama Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan, Puan Mashitah binti Ahmad Sabri



## PROGRAM JELAJAH ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA 2022

Oleh: Wahiddayu A Wahab, Muzium Sungai Lembing

**KUANTAN, PAHANG** – Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) yang telah diadakan selama tiga hari bermula dari 28 hingga 30 Oktober 2022 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sultan Ahmad Shah (SASICC) dan perkarangan Stadium Darul Makmur, Kuantan, Pahang ialah sebahagian usaha kerajaan menyumbang kepada rakyat. Fokus utama program ini ialah memberi kemudahan perkhidmatan secara langsung sekali gus memelihara kesejahteraan dan kepentingan Keluarga Malaysia. Selain memenuhi keperluan rakyat dan membantu penghayatan terhadap pengertian AKM, program ini juga menitikberatkan tiga teras utama iaitu Keterangkuman, Kebersamaan dan Kesyukuran.

Matlamat utama program ini untuk mendekatkan masyarakat dengan kegiatan seni, budaya dan pelancongan Malaysia serta mempromosi produk pelancongan di Negeri Pahang. Muzium Sungai Lembing sebagai salah satu produk pelancongan di Negeri Pahang turut tidak ketinggalan menyertai siri jelajah kali ini bersama dengan MOTAC Negeri Pahang, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan, Kraftangan Malaysia, Arkib Negara Malaysia, Tourism Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia

Pelbagai aktiviti sampingan diadakan oleh Muzium Sungai Lembing sepanjang program berlangsung, antaranya kuiz Muzium Sungai Lembing, puzzle, teka silang kata dan teka berat serbuk bijih timah. Pengunjung yang bertuah



meneka berat serbuk bijih timah dengan tepat ialah Encik Jamsul bin Johore. Secara keseluruhan, Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) Negeri Pahang telah berjaya mencatat bilangan pengunjung seramai 153,716 orang. Manakala pengunjung ke tapak pameran MOTAC mencatatkan seramai 6,930 orang sepanjang tiga hari program berlangsung.

Penganjuran pameran seumpama ini dilihat dapat menyebarkan luas ilmu pengetahuan khususnya melalui aktiviti pameran, program pendidikan dan pengembangan ilmu permuizium kepada masyarakat. Secara tidak langsung ia dapat merapatkan hubungan antara muzium dan masyarakat.

# KARNIVAL PAMERAN BAHASA JIWA BANGSA KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN 2022

Oleh: Ahmad Sazali bin Sabu, Muzium Diraja

**PUTRAJAYA** - Bermula dari 27 - 29 September 2022, Bahagian Khidmat Pengurusan Kementerian Belia Dan Sukan dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka telah menganjurkan Program Karnival Bahasa Jiwa Bangsa dan Dekad Membaca Kebangsaan 2022. Muzium Diraja telah diundang untuk mengadakan pameran sementara di lobi Menara KBS Putrajaya. Karnival ini merupakan satu usaha untuk memperkukuhkan dan memartabatkan budaya membaca dalam kalangan warga KBS. Muzium Diraja telah membawakan pameran berkenaan Sejarah Bahasa Melayu bersama sejumlah koleksi budaya material untuk dipamerkan.

Antara koleksi yang dipamer termasuklah salinan minit-minit mesyuarat Majlis Raja-Raja, batu bersurat, cap mohor, sumber persuratan, bahan tayangan dan sebagainya. Selain melaksanakan aktiviti seni lipatan tengkolok, turut disediakan soalan kuiz Bahasa Melayu dan lawatan berpandu serta penerangan kepada pegawai/kakitangan KBS yang melawat ke tapak pameran.

Secara tuntasnya, kerjasama seumpama ini bukan sahaja baik untuk memperkenalkan disiplin permuziuman, malah ia juga merupakan satu peluang keemasan dalam mencapai misi dan visi Jabatan Muzium Malaysia serta objektif Muzium Diraja sebagai sumber rujukan dan sebuah institusi pendidikan tidak formal.



## GLAMPING@ MUZIUM NEGARA

©Oleh: Hapizah binti Saaidin, Muzium Negara



**KUALA LUMPUR** - Muzium Negara telah mengadakan Glamping@Muzium Negara pada 16 dan 17 September 2022 bagi menyemarakkan sambutan Hari Malaysia. Perkhemahan di perkarangan Muzium Negara julung kali diadakan ini mendapat sambutan yang menggalakkan dari peserta berbilang bangsa dan peringkat umur seramai 56 penyertaan telah menjayakan program ini.

Glamping@Muzium Negara merupakan aktiviti tambahan kepada program Denai Malam @ Muzium Negara atau *Museum Night Trail*. Glamping pada kali ini menekankan konsep kekeluargaan dengan pengisian aktiviti santai dan menghiburkan serta memberi pengalaman peserta mencipta memori yang indah merasai detik menakjubkan di muzium pada waktu malam.

Program dua hari satu malam itu menyaksikan 28 khemah didirikan sendiri oleh 56 peserta. Program ini bukan hanya bermalam, tetapi juga berpeluang mengikuti lawatan serta beberapa aktiviti yang telah disediakan seperti berinai di dalam Galeri B Muzium Negara.

Di Muzium Seni Kraf Orang Asli pula peserta diajar membuat hiasan kepala masyarakat Orang Asli @ tempok, dan di Muzium Etnologi Dunia Melayu, peserta belajar membuat bunga rampai iaitu wangian campuran daripada beberapa jenis bunga terpilih dan daun pandan yang di hiris halus serta digaul dengan minyak wangi. Acara kemuncak malam itu ialah persembahan dikir barat dan persembahan wayang kulit oleh Tok Dalang Cilik adik Aqfierudzar Rizq Sulhie yang dibawa khas dari Kelantan.

Program ini merupakan satu program yang menarik dan perlu diteruskan bagi mempamerkan seni budaya tempatan kepada masyarakat pelbagai kaum dan bangsa samada dari dalam atau luar negara.





## PROGRAM LIVING MUSEUM DAY@MSKOA 2022: SIRI 2

Oleh: Asmawi bin Mohamed Yunos dan Hartini a/p Anjang, Muzium Seni Kraf Orang Asli

**KUALA LUMPUR** - Muzium Seni Kraf Orang Asli (MSKOA) sekali lagi meneruskan penganjuran Program *Living Museum Day@MSKOA 2022: Siri 2* pada tahun ini. Seperti program sebelumnya, program ini telah dirancang khas dan merupakan salah satu acara tahunan bagi MSKOA dan jua telah dimasukkan dalam Kalendar Acara Tahunan 2022, Jabatan Muzium Malaysia.

Program *Living Museum Day* ini telah diadakan pada 23 – 24 Oktober 2022 (Ahad dan Isnin) bermula jam 09.00 pagi hingga 5.00 petang, bertempat di dalam galeri dan perkarangan luar MSKOA. Satu kelainan dalam acara pada kali ini ialah penambahan slot khas iaitu reruai jualan produk keluaran usahawan Orang Asli di dalam galeri MSKOA. Program pada kali ini hanya melibatkan Orang Asli Suku Kaum Semai dari Pahang yang menetap di Batu 12, Gombak, Selangor. Program *Living Museum Day* pada kali ini juga dimeriahkan lagi dengan kehadiran 430 buah motosikal dari 9 Kelab Konvoi Bermotosikal iaitu RC Bikers Community (RCBC), V16, Versys X, Legend Motomania, Padang Jawa Highway Star (PJHS), Peminat & Pemilik Yamaha TZM In, Kelab Yamaha TZM Selangor (KYTS), RS3 Adventure Sentral, dan Museum Rider Owner Club (MROC) pada hari kedua program berlangsung.

Program pada kali ini telah mendapat sambutan diluar jangkauan dan seramai 6,033 orang telah berkunjung pada hari pertama. Pada hari kedua pula (Isnin) seramai 8,241 orang telah mengunjungi program ini menjadikan kehadiran peserta seramai 14,274 orang.

Objektif utama Program *Living Museum Day* ini ialah memberi pendedahan dan penyebaran maklumat kepada masyarakat umum mengenai keunikan Masyarakat Orang Asli dan warisan keseniannya, selain mewujudkan jalinan jaringan kerjasama yang erat dengan pelbagai pihak terutamanya dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), para aktivis orang asli dan Masyarakat Orang Asli itu sendiri.



Jualan hasil kraftangan tradisional dan kontemporari daripada Asli Creeve, Suku Kaum Temuan semasa Program Living Museum Day.



Para pengunjung menyertai pertandingan permainan tradisional Orang Asli iaitu Kerchang.

Di antara aktiviti yang dijalankan sempena Program *Living Museum Day@MSKOA* ini ialah demonstrasi permainan alat-alat muzik Orang Asli seperti centong, pensol, getuk dan gong, demonstrasi anyaman bakul, demonstrasi anyaman tikar mengkuang, permainan dan pertandingan permainan tradisional (kerchang), demonstrasi dan pertandingan menyempit, sesi pengunjung bertuah, acara cabutan bertuah, soalan kuiz dan reruai jualan Orang Asli.

Program seperti ini juga dapat melahirkan perkongsian ilmu dan kepakaran berkaitan masyarakat Orang Asli ini. Program ini juga menjadi nilai tambah kepada fungsi dan peranan muzium itu sendiri dan seterusnya dapat menanam minat kepada semua masyarakat untuk sentiasa mengunjungi muzium dan menjadikan muzium sebagai tempat rujukan.



Gambar kenangan ahli – ahli kelab konvoi bermotosikal di Program Living Museum Day@MSKOA 2022 bersama Ketua Muzium Muzium Seni Kraf Orang Asli.

# LAWATAN SAMBIL BELAJAR PROGRAM SIJIL SENI KREATIF ASWARA (SSKA) – SIJIL ASAS PENGURUSAN WARISAN SESI 2022/2023

Oleh: Norhidayah binti Ramely, Unit Pembangunan Modal Insan

**KUALA LUMPUR** – Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah menerima kunjungan daripada 20 orang pelajar dan 3 orang pegawai pengiring Program Sijil Seni Kreatif ASWARA (SSKA) – Sijil Asas Pengurusan Warisan pada 16 November 2022 yang lalu. Lawatan ini diiringi wakil penyelar program SSKA dari Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) iaitu En. Saiful Azhar bin Mohamad, Dr. Bahizal bin Abu Bakar dan Cik Fatin Shatira Hana binti Hamidon.

Bagi memenuhi objektif lawatan sambil belajar ini, JMM telah menyediakan tiga aktiviti utama untuk meningkatkan pengetahuan pelajar mengenai fungsi, peranan dan perkhidmatan yang dijalankan oleh JMM seperti membuat penilaian kondisi artifak, pengurusan konservasi dan asas dalam pameran muzium yang dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan Koleksi, Bahagian Pengurusan Konservasi dan Muzium Negara. Taklimat lawatan telah diberikan oleh Cik Sitti Rabia binti Abd Rahman, Pengurus, Komunikasi Korporat Jabatan Muzium Malaysia dan seterusnya lawatan dipandu oleh Unit Pembangunan Modal Insan ke lokasi aktiviti. Lawatan sambil belajar ini merupakan sebahagian daripada keperluan pengajian Sijil Asas

Pengurusan Warisan dalam melengkapkan kursus dan juga merupakan aktiviti tahunan yang melibatkan JMM.

Pembentukan Kurikulum bagi Sijil Asas Pengajian Warisan ini telah dirangka oleh (ASWARA) bersama JMM, Arkib Negara Malaysia dan Jabatan Warisan Negara yang memberi penekanan secara teori dalam pengurusan rekod dan arkib, pengurusan muzium dan pengurusan warisan untuk melahirkan individu yang berpengetahuan, berkemahiran dan layak untuk menyumbang bagi mempertingkatkan daya saing industri kreatif. Pada tahun ini, program Sijil Asas Pengajian Warisan ini telah dilaksanakan secara *hybrid* menggabungkan pengajian secara bersemuka dan dalam talian yang berlangsung dari 24 September 2022 hingga 17 Disember 2022. Pihak ASWARA telah melantik tenaga pengajar bagi Sijil Asas Pengajian Warisan daripada tiga agensi yang terlibat bagi sesi 2022/2023. Pegawai JMM yang terlibat dalam melatih dan mengajar pelajar SSKA ini ialah En. Mohd Jamil bin Haron (Kuratur Kanan, Muzium Negara), Pn. Juhazniza binti Musa (Kuratur Kanan, Bahagian Pameran dan Pengembangan) dan En. Mohd Faiz bin Azizan (Kuratur, Bahagian Pengurusan Konservasi).



Peserta melaksanakan aktiviti mengumpul maklumat, sejarah, asal-usul artifak yang diberikan dan kaedah merekod koleksi yang diperolehi.



Peserta didedahkan dengan pengetahuan untuk menganalisa kerosakan yang terdapat pada artifak dan jenis konservasi yang sesuai dilaksanakan.



Peserta dan pengiring Program Sijil Seni Kreatif ASWARA (SSKA) – Sijil Asas Pengurusan Warisan bersama Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat

# BENKEL RESTORASI PENGANGKUTAN AIR TRADISIONAL (PERAHU): PERAHU PETALAWATI ANJURAN JABATAN MUZIUM MALAYSIA BERSAMA PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN DENGAN KERJASAMA PERSATUAN MUZIUM MALAYSIA

Oleh: Hairunnisyam Bt. Md Jamil, Bahagian Pengurusan Konservasi



**KOTA BHARU KELANTAN** - Bengkel Restorasi, Pengangkutan Air Tradisional (Perahu): Petalawati diadakan di Istana Jahar dan Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan dari 26 September hingga 2 Oktober 2022. Bengkel ini Anjuran Jabatan Muzium Malaysia (JMM) bersama Perbadanan Muzium Negeri Kelantan (PMNK) dengan Kerjasama Persatuan Muzium Malaysia (PMM) dan dirasmikan oleh YBrs. Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), JMM, En. Mohamad Shawali bin Hj. Badi. Persatuan Muzium Malaysia secara amnya berperanan untuk mengangkat martabat serta menjalankan aktiviti permuziuman ke arah meningkatkan profesionalisme permuziuman di Malaysia selari dengan garis panduan permuziuman yang diiktiraf antarabangsa. Justeru, bengkel ini diadakan bagi meningkatkan kerjasama dan profesionalisme dalam kalangan warga muzium dan menambah pengetahuan tentang penjagaan koleksi bahan organik.

Pengisian bengkel selama 6 hari ini disusun secara khusus dan objektif utama ialah:

- i) Mendidik peserta memahami tatacara kerja yang perlu dilakukan sebelum melaksanakan proses konservasi dan restorasi ke atas koleksi organik.
- ii) Mendidik peserta memahami teknik pengendalian koleksi organik yang mengikut spesifikasi bidang konservasi.
- iii) Mendidik peserta menguasai penggunaan peralatan untuk proses konservasi bahan organik.
- iv) Mendidik peserta memahami kepentingan penggunaan bahan asli dalam menjaga koleksi organik.

Dalam segmen pertama bengkel, 5 sesi ceramah telah diadakan yang melibatkan jumpaan perahu sagor, Baling Kedah yang dijumpai pada 14 Februari 2022.

- Sesi ceramah 1 bertajuk Konservasi Penyelamatan Awal Jumpaan Perahu Sagor, Baling, Kedah.
- Sesi ceramah 2 bertajuk 10 Faktor Deteriorasi Yang Merosakkan Koleksi Kayu
- Sesi ceramah 3 bertajuk Peralatan dan Bahan Menghasilkan Perahu
- Sesi ceramah 4 bertajuk Nama Bahagian-Bahagian Perahu
- Sesi ceramah 5 bertajuk Penghasilan Laporan Kondisi
- Segmen kedua memfokuskan Proses Konservasi dan Restorasi di lapangan iaitu di Istana Jahar, Kota Bharu, Kelantan.

Seramai 15 orang peserta yang menyertai bengkel ini terdiri daripada kakitangan JMM, muzium negeri, agensi kerajaan dan swasta. Antara agensi yang terlibat ialah Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Lembaga Muzium Negeri Kedah, Bank Negara Malaysia, *Museum and Art Gallery*, Yayasan Warisan Johor dan Balai Seni Negara. Pada dasarnya, bengkel ini amat baik dan perlu dikekalkan selaras dengan usaha untuk pemuliharaan dan pemeliharaan koleksi.

## Program KENALI MUZIUM MATANG

Oleh : Nor Aini binti Hassan, Muzium Matang



**MUZIUM MATANG** - Pada 22 September 2022 program "Kenali Muzium Matang" telah diadakan di Sekolah Kebangsaan Ngah Ibrahim, Sempena Karnival Sejarah Peringkat Zon Simpang, Taiping. Program tersebut telah dirasmikan oleh Yang Berhormat ADUN Kuala Sepetang Encik Mohd Kamarudin bin Abu Bakar.

Program "Kenali Muzium Matang" mengimbas semula sejarah kegemilangan Kota Ngah Ibrahim dan ketokohan beliau ketika mentadbir Larut. Menteri Ngah Ibrahim merupakan seorang tokoh yang sangat istimewa dalam sejarah Malaysia. Beliau merupakan seorang pentadbir, pengusaha dan juga pejuang selain turut menjadi pengasas kepada pemodenan Larut.

Program ini turut mempamerkan artifak seperti arang batu, tahi timah, replika lesung kaki, replika mesin penampi padi tradisional, biji kopi dan sebagainya. Selain itu beberapa aktiviti interaktif seperti pertandingan kuiz, pertandingan mewarna gambar tokoh dan permainan puzzle turut diadakan.

Sempena Karnival Sejarah Peringkat Zon Simpang tersebut pihak sekolah juga telah mengatur beberapa aktiviti yang disertai oleh sekolah-sekolah yang berada dalam Zon Simpang, Taiping seperti pertandingan permainan tradisional, pertandingan busana tradisional, pertandingan tarian tradisional dan sebagainya dengan anjuran bersama Institut Pendidikan Guru, Kampus Ipoh, Perak. Program ini telah mendapat pelbagai manfaat.

Melalui pameran dapat membuka minda para pelajar untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai artifak-artifak di Muzium Matang. Selain itu, ia juga dapat meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap fungsi dan peranan muzium dalam menyebarkan ilmu pengetahuan kepada pelbagai kelompok masyarakat.

## Majlis Persaraan KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC) TAHUN 2022

Oleh: Wan Musalamah binti Wan Mohamad Arif,  
Unit Pengurusan Sumber Manusia

**PUTRAJAYA** - Pada 19 Oktober 2022, telah berlangsung Majlis Persaraan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) yang bertempat di Dewan Sanggar Pujangga, MOTAC Putrajaya. Majlis telah dilaksanakan secara fizikal dan berlangsung dalam suasana penuh meriah setelah hampir dua tahun tiada keriaan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Majlis diadakan bagi meraikan para pesara Kementerian serta jabatan/agensi di bawahnya.

Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya telah hadir bagi merasmikan majlis ini. Dua orang pesara Jabatan Muzium Malaysia telah hadir untuk menerima sijil penghargaan iaitu Puan Rosidah binti Abdullah yang telah bersara wajib pada 24 September 2022 dan Puan Zaleha binti Tasrib yang telah bersara wajib pada 11 Mac 2022.

Para tetamu turut disajikan dengan persembahan pentas, ucapan dari wakil pesara, alunan muzik dan nyanyian oleh kumpulan *buskers* dan diakhiri dengan jamuan ringan.



Pesara JMM bersama-sama KP JMM dan wakil jabatan yang turut hadir



Persembahan oleh artis budaya berjudul "Perhaps"

*“Berdayung sampan ke Tanah Semenanjung,  
Hendak membeli tikarlah rotan,  
Budi dikenang bakti disanjung,  
Kekal subur dalam ingatan.”*

## Pameran Sementara

### DI MASJID SAIDINA ABU BAKAR AS-SIDDIQ BANGSAR KUALA LUMPUR

Oleh: Ahmad Sazali bin Sabu, Muzium Diraja



Reruai Muzium Diraja di Masjid Saidina Abu Bakar As-Siddiq



Antara aktiviti yang disediakan adalah ikatan tengkolok

**KUALA LUMPUR** - Tanggal 19 September 2022, Muzium Diraja telah menerima pelawaan dari Masjid Saidina Abu Bakar As-Siddiq Bangsar (MSABA) untuk bersama-sama menjayakan Program Karnival sempena Sambutan 40 Tahun MSABA pada 23 - 25 September 2022. Satu lawatan kerja telah dilakukan pada 20 September 2022 bagi membincangkan peranan Muzium Diraja dalam sambutan ini. Antara pengisian yang dipamerkan di reruai Muzium Diraja termasuklah mengenai peranan YDPA dalam menjaga agama Islam dan panel penerangan berhubung Islam agama Persekutuan. Selain itu juga aktiviti ikatan tengkolok dan tayangan dilaksanakan dengan penglibatan ahli kariah masjid dan masyarakat yang berkunjung sepanjang karnival ini berlangsung.

## PROJEK PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN JABATAN MUZIUM MALAYSIA 2023-2027

Oleh: Zam Zarina binti Ishak, Unit Teknologi Maklumat

**KUALA LUMPUR** - Pelan Strategik Pendigitalan JMM (PSP JMM) merupakan satu dokumen yang menggariskan halatuju pendigitalan bagi menyokong keperluan jabatan untuk tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2023 sehingga 2027.

Objektif pembangunan PSP JMM adalah seperti berikut:

- Mempertingkatkan kualiti dan kecekapan penyampaian perkhidmatan digital secara menyeluruh sejajar dengan visi dan misi/keperluan bisnes JMM
- Mewujudkan persekitaran penggunaan dan pembangunan projek pendigitalan yang terancang dalam tempoh lima (5) tahun dan mengikut jadual;
- Mewujudkan persekitaran kerja berlandaskan pendigitalan bagi proses kerja yang efisien dan efektif di samping menerapkan pembudayaan pendigitalan.

Pembangunan PSPJMM telah bermula semenjak awal bulan Julai 2022 selepas mendapat kelulusan JPICIT JMM. Terdapat lima fasa perlu dilaksanakan bagi memastikan pelan ini dapat dibangunkan secara terperinci berdasarkan metodologi *Malaysia Government Digital Strategy*.

Dua bengkel telah dilaksanakan pada tahun ini dengan khidmat nasihat daripada Bahagian Perundingan ICT (Pengurusan Strategik), MAMPU. Bengkel pertama telah dilaksanakan dari 21 hingga 23 September 2022 bertempat di Hotel Klana Seremban dengan membentangkan hasil analisis persekitaran ICT dan bisnes yang telah dilaksanakan. Dalam bengkel tersebut peserta turut membuat analisis SWOT & TOWS Matrix membangunkan Enterprise Architecture dan merangka Visi dan Misi ICT Jabatan.

YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim, Ketua Pengarah JMM telah berkesempatan menyempurnakan perasmian bengkel pada 21 September 2022 dan Puan Siti Sapura binti Raffee, Pengarah Bahagian Perundingan ICT, MAMPU. Seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan JMM menyertai bengkel ini.

Bengkel yang kedua melibatkan Pembangunan Hala Tuju Strategik ICT telah dilaksanakan dari 1 hingga 2 November 2022 di Bilik Persidangan JMM. Bengkel ini bertujuan untuk mengesahkan cadangan Visi dan Misi ICT, membentuk teras strategik dan objektif serta mengenal pasti strategi dan program ICT.

Pembangunan PSP secara dalaman (*inhouse*) melalui penglibatan warga JMM dapat meningkatkan pemahaman terhadap hala tuju pendigitalan di JMM, selain dapat membangunkan kemahiran dalaman dan mengurangkan kebergantungan kepada perunding.



Rajah 1: Fasa pelaksanaan Pelan Strategik Pendigitalan JMM



# KURSUS PENULISAN BERITA DAN RENCANA

Oleh: Roseanida binti Abdul Kadir, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi

**KUALA LUMPUR** – Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi dengan kerjasama Unit Pembangunan Modal Insan telah menganjurkan Kursus Penulisan Berita dan Rencana dari 14 hingga 15 September 2022 bertempat di Bilik Persidangan Jabatan Muzium Malaysia (JMM). Kursus ini dihadiri seramai 30 orang peserta dan kebanyakan peserta yang terlibat dalam kursus ini terdiri daripada pegawai dan kakitangan JMM yang mempunyai pengalaman menghasilkan berita dan rencana untuk diterbitkan dalam Berita JMM.

Kursus dua hari ini dikendalikan oleh penceramah jemputan iaitu Encik Zaidi bin Ismail Pegawai Perancang Bahasa Bahagian Buku Sekolah Jabatan Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam penulisan rencana dan aktif memberi ceramah di pelbagai kementerian dan jabatan kerajaan. Pada tahun 2020 beliau telah dilantik sebagai editor buku teks sekolah. Dalam pengendalian kursus ini, peserta telah dibahagikan kepada 5 kumpulan

iaitu kumpulan Tongkat Waran, Kris Mas, Arena Wati, Pak Sako dan Kemala. Gerak kerja dan perbincangan dalam kursus ini di buat melalui kerjasama kumpulan. Peserta diberi pendedahan mengenai penggunaan tatabahasa yang betul dalam penulisan berita dan rencana. Setiap kumpulan diberi tanggungjawab menghasilkan satu penulisan berita dan rencana mengikut format yang betul. Hasil gerak kerja tersebut dibentangkan dan sekiranya terdapat kesalahan pada penulisan tersebut akan diperbetulkan oleh penceramah. Perbincangan bersama secara terbuka ini lebih memberi kefahaman kepada peserta. Semua peserta memberi kerjasama yang baik dan sebarang persoalan yang tidak difahami diajukan terus kepada penceramah.

Secara keseluruhannya kursus ini amat menarik, Selama dua hari menimba ilmu dari penceramah yang berpengalaman diharap dapat memberi impak positif dalam arena penulisan berita JMM serta menambah ilmu pengetahuan kepada peserta.



Peserta dan penceramah kursus bergambar kenangan bersama dengan TKPP JMM



Encik Zaidi sedang memberi penerangan kepada peserta kursus



Pengarah Bahagian Penyelidikan menyampaikan cenderahati kepada penceramah

## PROGRAM PROTOTYPE@MUZIUM DI MUZIUM AUTOMOBIL NASIONAL

Oleh: Rostan Hakimi bin Samad, Muzium Automobil Nasional

**SEPANG** - Pada 5 dan 6 November 2022 (Sabtu dan Ahad), Muzium Automobil Nasional telah menganjurkan program Prototype@Muzium. Program ini adalah antara salah satu aktiviti *inreach* yang telah dirancang oleh pihak muzium pada tahun ini.

Objektif program ini ialah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan asas kepada peserta kaedah mereka bentuk sesebuah kereta. Program ini disertai oleh pelajar-pelajar sekolah menengah berumur 15 hingga 17 tahun. Seramai 15 orang pelajar dari Sekolah Menengah Bandar Enstek Nilai telah menyertai program ini.

Program selama dua hari ini dikendalikan oleh Encik Habibul Rahman bin Romli Peraka dari Muzium Tekstil Negara. Taklimat program telah disampaikan oleh Ketua Muzium Automobil Nasional, Puan Intan Khafdzillia binti Fadzri. Antara kerja-kerja yang dilakukan pada hari pertama ialah memotong blok foam untuk mendapatkan bentuk asas sebuah kereta. Seterusnya kerja-kerja melicinkan mockup untuk mendapatkan bentuk asas sebuah kereta dan sesi terakhir hari pertama menghasilkan perincian pada *mockup* dan sapuan *putty* pada mockup tersebut.

Pada hari kedua, pelajar perlu melicinkan permukaan mockup dengan menggunakan kertas pasir. Seterusnya mereka perlu membuat lapisan cat primer pada mockup tersebut. Setelah lapisan cat primer kering sepenuhnya, kerja semburan cat utama dilakukan pada mockup. Proses terakhir ialah kerja-kerja kekemasan pada *mockup*.

Program ini diakhiri dengan sesi penyampaian sijil oleh Ketua Muzium Automobil Nasional kepada para peserta.



Kerja memotong blok foam untuk mendapatkan bentuk asas sebuah kereta



Prototype selepas kerja kekemasan terakhir

## Bengkel GAMELAN ASAS 1.0

Oleh : Prema a/p Vijayan, Muzium Muzik

**KUALA LUMPUR** - Pada 25 September 2022 (ahad), Bengkel Asas Seni Gamelan Siri 1 telah diadakan di Galeri Muzik. Seramai sembilan peserta dalam lingkungan umur 25 hingga 50 tahun telah menyertai bengkel ini. Bengkel gamelan asas ini diadakan selama satu hari bermula pukul 9.00pagi hingga 5.00petang. Tenaga pengajar bengkel ini adalah Cik Farizan Binti Mohamad Razuri, jurulatih (JSBN) Jurulatih Seni Budaya Negara (ditauliahkan oleh JKKN) antara pengisian bengkel ini adalah Sejarah Gamelan Melayu, Genre gamelan utama di dunia, Lagu Gamelan Tradisi Istana seperti Lagu Timang Burung, Asas Lagu Perang dan teknik bermain alat muzik gamelan Melayu. Objektif utama bengkel ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan tentang sejarah kesenian tradisional di samping membantu generasi muda meneruskan legasi warisan bangsa. Kaedah perkongsian ilmu seperti ini membantu menyemai minat generasi muda terhadap kesenian tradisional Malaysia



## PROJEK A.T.U.R (ACHIEVEMENT THROUGH RE-ORG) 2022 DI BAWAH PROGRAM ICCROM-COLLASIA INTERNATIONAL COURSE ON THE REORGANIZATION OF COLLECTION STORAGE IN MUSEUMS OF SOUTHEAST ASIA

Oleh: Nor Jawahir Binti Raduian, Kurator Unit Dasar dan Perancangan Strategik

**KUALA LUMPUR** - Projek A.T.U.R (Achievement through Re-Org) merupakan satu tugas kepada peserta di bawah program ICCROM-COLLASIA International Course on the Reorganization of Collection Storage In Museums Of Southeast Asia anjuran ICCROM, CollAsia, National Discovery Museum Institute (Museum Siam), Thailand dan tajaan Cultural Heritage Administration mewakili Malaysia dan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) ialah Nor Jawahir binti Raduian, Kurator Unit Dasar dan Perancangan Strategik dan Mohammed Ali bin A.M. Haja Mohaideen, Penolong Kurator Muzium Alam Semula jadi. Seramai 21 peserta dari Bangladesh, Indonesia, Malaysia, Myanmar, Filipina, Thailand dan Brunei menyertai program ini dengan bimbingan 11 orang fasilitator daripada ICCROM, Canadian Conservation Institute (CCI) dan CollAsia. Program ini telah diadakan secara atas talian menggunakan medium *zoom meeting* bermula 1 September 2021 hingga 30 April 2022. Program ini menyediakan satu modul pembelajaran yang teratur dengan pengisian modul yang padat, interaktif dan santai meliputi 3 kali kelas dalam sebulan merangkumi 15 topik syarahan, 9 tugas dan 1 mini conference serta diskusi santai setiap minggu. Bermula 1 September 2021 hingga 31 Disember 2021 merupakan tempoh bagi kelas dan dari 1 Januari 2022 hingga 30 April 2022 ialah tempoh penyiapan tugas projek. Secara ringkasnya, modul program ini mendedahkan peserta kepada satu metodologi yang sistematik dan berkesan dalam menyusun semula koleksi supaya koleksi sentiasa dalam keadaan selamat dan stabil, penggunaan ruang stor yang optimum dan penyelesaian bagi setiap masalah penstoran koleksi. Antara alat analisis yang digunakan bagi mengenalpasti risiko permasalahan dan cara penyelesaian ialah menggunakan *Self-Evaluation*

*Tools for Collection in Storage* dimana setiap peserta perlu membuat penilaian sebelum dan selepas projek dilaksanakan

Diakhir program ini, setiap peserta perlu menyediakan kertas kerja projek dan membentangkan hasil projek dalam *mini conference* secara dalam talian. Oleh itu wakil daripada Malaysia telah mendapat inspirasi dari perkataan A.T.U.R atau *Organize* dalam Bahasa Inggeris sebagai akronim bagi *Achievement Through Re-Org (ATUR)*. Objektif projek ini adalah:

- Memenuhi 10 kriteria professional repositori
- Menyusun semula koleksi mengikut kumpulan yang sama iaitu dari segi bahan koleksi, jenis koleksi, saiz, ketinggian dan asal usul koleksi tersebut.
- Menyusun semula perabot (rak-rak) bagi memastikan ruang bilik stor digunakan secara optimum.
- Menyediakan sokongan bagi setiap koleksi dan rak dengan meletakkan "padding" atau kusyen bagi memastikan koleksi di tahap keselamatan yang baik dan stabil

Projek ini telah berjaya dilaksanakan dalam tempoh 4 bulan berdasarkan rangka kerja yang telah dirancang di dua lokasi repositori iaitu di repositori seramik di Ibu Pejabat Jabatan Muzium Malaysia yang diketuai oleh Nor Jawahir binti Raduian dan repositori Muzium Alam Semulajadi, JMM yang diketuai oleh Mohammed Ali bin A.M. Haja Mohaideen. Projek ini telah dibantu oleh pegawai dan kakitangan Bahagian Pengurusan Koleksi, Bahagian Pengurusan Konservasi dan Muzium Alam Semulajadi yang menjadi ahli pasukan A.T.U.R Projek 2022.

Walaupun program ini dilaksanakan secara dalam talian tanpa bersemuka secara fizikal, *outcome* projek ATUR sangat memberangsangkan. Koleksi yang sebelum ini yang ada diantaranya berada di atas

lantai, pencampuran koleksi seperti koleksi kayu di dalam stor koleksi seramik, susunan rak yang tidak mengoptimalkan ruang dan juga sistem sokongan yang lemah dapat diatasi. Hasilnya, semua koleksi dapat diletakkan di atas rak, hanya satu jenis koleksi seperti koleksi seramik diletakkan di dalam satu bilik storan, tambahan rak dengan susunan rak yang lebih kemas dan koleksi yang memerlukan sokongan "padding" dan kusyen telah dipraktikkan.

Kesimpulannya, projek A.T.U.R 2022 ini telah mencapai objektifnya dengan menggunakan metodologi dan alat analisis yang telah diiktiraf di peringkat antarabangsa. Artikel dan info lebih lanjut berkenaan program ini boleh di dapati dengan melayari web berikut: <https://www.iccrom.org/news/improving-museum-storage-southeast-asia>



## Jom D.I.Y MINI TEMBIKAR

Oleh : Nik Mazielia Idura Binti Nik Mohamed, Muzium Etnologi Dunia Melayu

**KUALA LUMPUR** - Program Jom DIY Mini Tembikar antara program yang dirangka sempena meraikan cuti sekolah. Pada 24 Disember 2022, Muzium Etnologi Dunia Melayu (MEDM) mengalu-alukan kedatangan peserta program yang berusia enam hingga 12 tahun seramai 20 orang. Program ini berlangsung pada pukul 9.00 pagi dan berakhir pada pukul 12.30 tengah hari di Galeri MEDM. Pelbagai aktiviti yang dijalankan antaranya lawatan berpandu di Segmen Pertukangan Tangan (Tembikar) dan peserta turut belajar bagaimana menghasilkan mini tembikar menggunakan teknik picitan dan aktiviti mewarna labu sayong.



# SIGNIFIKAN MUZIUM CHIMNEY SEBAGAI TAPAK BUDAYA GEOPARK KEBANGSAAN LABUAN

Oleh: Zainon Halon, Muzium Chimney

Pengiktirafan Labuan sebagai Geopark Kebangsaan yang baharu bersama-sama dengan Lenggong, Perak selepas Geopark Kebangsaan Lembah Kinta Perak, Jerai Kedah, dan Kinabalu Sabah pada 16 Disember 2021 yang lalu telah menjadi satu kebanggaan buat warganya. Sesungguhnya pengiktirafan ini adalah satu pencapaian signifikan kepada negara kerana pemaparan Geopark Kebangsaan Labuan yang berkeluasan 402 kilometer persegi memperlihatkan kepentingan memelihara kelestarian alam semulajadi dengan pengurusan mampan tapak-tapak berkepentingan kebangsaan merangkumi evolusi endapan batuan dan lanskap yang membentuk Pulau Labuan, tapak-tapak biologi yang menjadi habitat pelbagai spesis flora fauna serta warisan sejarah dan budaya dimiliki penduduk tempatan di pulau ini.

Menurut UNESCO, Geopark adalah “sebuah wilayah yang mengandungi tapak dan lanskap geologi berkepentingan antarabangsa (kebangsaan) yang diurus secara holistik berasaskan konsep pemeliharaan, pendidikan dan pembangunan lestari”. Sehubungan itu, Geopark Kebangsaan Labuan merupakan geopark keenam di Malaysia yang terdiri daripada 16 geotapak, 4 biotapak dan 9 tapak budaya. Antara tapak terpenting Geopark Kebangsaan Labuan adalah Muzium Chimney dan tapak bersejarah Tanjung Kubong. Keunggulan kawasan ini terletak pada pakej rangkuman ketiga-tiga teras penting geopark iaitu geotapak, biotapak dan tapak budaya berada dalam satu lingkungan kawasan yang sama jika dibandingkan dengan geotapak-geotapak lain di Labuan.

Dari perspektif geologi, Tanjung Kubong terbentuk melalui evolusi geologi dan lanskap hasil pengendapan sedimen atau lapisan batuan pasir dinamakan Formasi Belait berusia 15 hingga 5 juta tahun turut membentuk lapisan-lapisan arang batu. Pembentukan Formasi Belait ini terhasil melalui proses evolusi geologi Pulau Labuan yang mengalami pengangkatan dan perlipatan kerana pergerakan plat tektonik bumi selama jutaan tahun lalu menjadikan Tanjung Kubong dahulunya berada di sekitaran sungai berburai hingga pesisir laut cetek. Air sungai dan laut yang menjadi agen pengangkut sisa-sisa tumbuhan, haiwan, lumpur, pasir dan sebagainya telah menyebabkan proses pengendapan secara semulajadi berlaku di kawasan ini. Para pengunjung boleh melihat struktur “peralapisan silang” pada lapisan-lapisan batuan sedimen di sepanjang pesisir pantai Tanjung Kubong kesan pengendapan oleh arus sungai dan laut. Selain itu terdapat juga banyak lapisan arang batu yang berbentuk klasta, kekanta dan lamina ditemui dalam lapisan

dan celahan batuan. Malah keunikan geotapak ini terletak pada rupabumi pantainya yang terdiri daripada garis pantai yang tinggi dibentuk oleh pantai berpasir di selang seli dengan pantai berbatu yang membentuk lanskap cerun curam, tanjung, pentas hakisan ombak, gerbang dan juga gua laut.

Dari sudut sejarah, geotapak Tanjung Kubong pernah merakamkan kegemilangan Labuan sebagai stesen arang batu terawal di Malaysia dan yang terpenting di Asia Tenggara pada abad ke-19 hingga awal abad ke-20 kerana kewujudan sumber mineral arang batu di kawasan ini. Penemuan sumber arang batu di Labuan telah dilaporkan oleh Kapten Edwardes Belcher, seorang pegawai tentera laut British pada tahun 1844. Bertitik tolak peristiwa tersebut, Labuan menjadi koloni British yang pertama di Borneo seterusnya membawa kepada kegiatan melombong arang batu secara besar-besaran khususnya di kawasan Tanjung Kubong. Selama hampir 65 tahun (1847-1911), kira-kira setengah juta tan arang batu di Labuan telah berjaya dikeluarkan bagi keperluan domestik dan antarabangsa. Jesteru Labuan berkembang sebagai jaringan maritim yang strategik di laluan perdagangan Laut China Selatan seiring dengan perkembangan pelabuhan perdagangan arang batu dan aktiviti perkapalan. Di sinilah juga wujudnya sebuah pekan kecil perlombongan Ingeris yang dinamakan sebagai *Edwardes Town* dilengkapi dengan infrastruktur petempatan pegawai dan pekerja syarikat perlombongan, tempat pengumpulan dan pemunggahan arang batu, rumah jentera serta stor penyimpanan. Selain landasan keretapi yang berjaya menghubungkan tapak-tapak perlombongan di kawasan Utara dengan Pelabuhan Victoria di Selatan Labuan.



Kesan daripada sejarah lampau telah meninggalkan struktur antropogenik era kolonial di Tanjung Kubong. Antaranya struktur terowong dan syaf arang batu, bekas struktur bangunan lama, Gedung Ubat dan Menara Chimney. Manakala bukti utama adanya petempatan orang-orang Inggeris di kawasan ini adalah penemuan lima batu peringatan British di Tanjung Kubong yang terletak kira-kira dua kilometer daripada Menara Chimney serta berhampiran dengan bekas tapak jeti Pelabuhan Raffles. Dua daripadanya mempunyai catatan nama seorang wanita Inggeris dikenali sebagai Alice Watson yang telah meninggal dunia pada tahun 1866 dan anaknya Elizabeth Jane yang berusia 2 hari. Manakala sebuah lagi batu peringatan ini tercatat nama Evan Thomas yang pernah berkhidmat dengan *Eastern Archipelago Company* telah meninggal dunia pada tahun 1868.

Fakta-fakta sejarah dan pelbagai artifak bukti *in-situ* dipelihara dan dipamerkan di Muzium Chimney yang berperanan penting sebagai hab pendidikan, pendokumentasian, penyelidikan serta menyebarkan maklumat sejarah industri perlombongan arang batu di Labuan dan di Malaysia amnya. Pengiktirafan Muzium Chimney sebagai salah satu komponen Geopark Kebangsaan Labuan menunjukkan signifikan muzium ini bukan sahaja sebagai gedung pendidikan sejarah bertaraf kebangsaan tetapi merupakan *main entrance* kepada geotapak-geotapak di kawasan Tanjung Kubong dan sekitarnya. Sementara itu, Menara Chimney yang terletak berhampiran merupakan sebuah mercu tanda bersejarah lambang ketamadunan awal Labuan.

Pada tahun 1997 hingga 1999, pelaksanaan kerja-kerja konservasi Menara Chimney oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti telah berjaya memulihara monumen ini untuk terus utuh sekaligus menjadi kebanggaan seluruh warga Labuan. Kejayaan pengkalan Menara Chimney juga adalah melalui pengamalan sistem hijau lanskap persekitarannya yang memberikan impak positif terhadap kelestarian alam sekitar amat bertepatan dengan objektif pewujudan sesebuah Geopark Kebangsaan. Di atas komitmen berterusan yang dilakukan oleh pihak muzium dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan, monumen ini telah menerima pengiktirafan *The International Green Apple Awards* daripada *The Green Organisation* pada tahun 2013.

Kawasan persekitaran muzium dikelilingi tapak -tapak bersejarah selain lanskap alam semulajadi hutan pantainya secara tidak langsung menyediakan laluan rintis yang

memiliki kepelbagaian biodiversiti. Menurut kajian biologis didapati sepanjang laluan rintis Chimney - Pantai Tanjung Aru memaparkan sebanyak 61 spesies tumbuhan dengan 35 daripadanya adalah spesies pokok. Dua spesies terpenting adalah Pokok Karas (*Aquilaria Malaccensis*) dan Benturung (*Artocarpus Odoratissimus*). Manakala terdapat 15 spesies burung dikenalpasti antaranya Burung Kosa, Bangau Batu, Layang-Layang dan Kelicap Sepah Raja. Hutan pantai Tanjung Kubong pada suatu ketika dahulu diketahui turut menjadi habitat haiwan Kubong yang dikaitkan dengan asal usul nama Tanjung Kubong tetapi telah mengalami kepupusan disebabkan aktiviti pembangunan di kawasan ini.

Di sepanjang laluan rintis *Labuan Chimney Walking Trail* sedia ada menjadi tumpuan utama yang amat berpotensi dibangunkan sebagai lokasi beriadah berasaskan Georintis mencakupi pelbagai aspek seperti geologi, sejarah, biologi dan budaya dimana orang ramai berpeluang untuk melawat, mengetahui, melihat dan menghayati sendiri bermula dari sejarah perlombongan arang batu di Muzium Chimney, tapak geologi pembentuk batuan jutaan tahun, bekas petempatan *Edwardes Town*, tapak lombong dan syaf arang batu sehinggalah kepada keunikan flora dan fauna. Jarak keseluruhan Georintis ini adalah sejauh 3.8 kilometer bermula dan berakhir di Muzium Chimney. Selain itu, pantai dan laut di sepanjang laluan rintis memainkan peranan penting sebagai sumber ekonomi kepada penduduk sekitar yang sebahagian besarnya golongan nelayan.

Geopark Kebangsaan Labuan telah menjadi satu tarikan baharu berkonsepkan geopelancongan di Wilayah Persekutuan Labuan. Penglibatan Muzium Chimney dan juga Muzium Labuan sebagai tapak budaya, merupakan satu lagi anjakan paradigma yang mampu mengembang dan mempromosi peranan muzium-muzium di Wilayah Persekutuan Labuan khususnya dalam mendidik masyarakat mengenai peri pentingnya memelihara khazanah warisan bersejarah dan budaya negara. Sebagai rakan strategik, muzium mendokong pelbagai usaha merealisasikan pendekatan pemuliharaan yang inovatif untuk memulihara warisan, menggalakkan penyelidikan saintifik, pendidikan awam dan pembangunan ekonomi tempatan. Disamping mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dengan inovasi terkini agar muzium terus relevan selaras dengan visi jabatan menjadi institusi permuiziuman yang professional dan bertaraf global.



## BENKEL IKAT DAN CELUP

### ANJURAN PUSPANITA CAWANGAN KECIL JMM

Oleh: Norfiza binti Zainal Abidin, Bahagian Komunikasi Korporat

**KUALA LUMPUR** - Ikat dan celup merupakan teknik resis tanpa menggunakan lilin untuk menghasilkan corak pada kain batik yang dikenali sebagai kain batik pelangi. Seiring dengan peredaran masa, teknik ini telah dikembangkan untuk menghasilkan corak pada kraf tangan seperti tudung, beg, baju dan selendang.

Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) Cawangan Kecil JMM telah mengadakan Bengkel Ikat dan Celup pada 13 September 2022 di Muzium Tekstil Negara (MTN) bagi memberi pendedahan kepada kakitangan tentang teknik ini.

Bengkel sehari ini disertai seramai 20 orang ahli PUSPANITA dan dikendalikan oleh Penolong Kurator, MTN, Kartina binti Abdul Khalid. Teknik ikat dan celup dimulakan dengan mengikat kain menggunakan tali rafia atau getah. Kain yang telah diikat, kemudiannya dicelup ke dalam pewarna dan dibasuh menggunakan air paip sehingga tiada kesan warna. Setelah itu, ikatan kain akan dibuka dan dijemur sehingga kering. Apabila kering, kain sedia untuk dipakai.

Secara keseluruhannya, bengkel ini telah memberikan pengalaman dan ilmu pengetahuan baharu kepada para peserta.



Proses mencelup warna oleh para peserta



Hasil kain ikat dan celup oleh para peserta

## ZUMBA@PUSPANITA

Oleh: Suriati binti Sulong, Biro Sukan Puspanita JMM

**MUZIUM DIRAJA** - Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) Cawangan Kecil Jabatan Muzium Malaysia (JMM) melalui Biro Sukan telah menganjurkan senaman Zumba@Puspanita pada 30 September 2022 bertempat di Dewan Badminton, Muzium Diraja (MDR). Tujuan utama aktiviti ini dianjurkan ialah untuk menerapkan amalan gaya hidup yang aktif dan cergas di kalangan ahli PUSPANITA JMM.

Aktiviti riadah ini mendapat sambutan yang mengalakkan daripada ahli PUSPANITA dan seramai 20 orang peserta menyertainya. Kesudian Puan Aishah binti Abolhi selaku Timbalan Pengerusi 1 Puspanita JMM untuk turut serta menambahkan lagi kemeriahan aktiviti ini.

Cik Tina Azura binti Ahmad Tajudin seorang jurulatih zumba telah dijemput bagi mengetuai senaman ini. Selaku seorang jurulatih yang berpengalaman Cik Tina mampu membuat semua peserta mengikuti setiap langkah zumba dengan baik sambil diiringi irama muzik yang rancak dan bertenaga. Keadaan ini dapat menaikkan semangat peserta dan melahirkan suasana yang ceria dan gembira ketika bersenam

Harapan kami agar program gaya hidup sihat mendapat sokongan dan sambutan yang baik daripada semua ahli Puspanita JMM pada masa akan datang.



## HARI TERBUKA PUSPANITA

CAWANGAN KECIL JMM Oleh: Norfiza binti Zainal Abidin, Bahagian Komunikasi Korporat



**KUALA LUMPUR** – 19 September 2022 “Kanser Pembunuh Senyap” dan “Kenali Hari Terbuka PUSPANITA Cawangan STI”, Pameran Kesihatan, Pemeriksaan Kecil Jabatan Muzium Malaysia (JMM) Kesihatan secara percuma, kaunter telah diadakan dengan kerjasama Pejabat keahlian PUSPANITA, Pertandingan Kesihatan Lembah Pantai, Kementerian Pakaian Beragam (bertemakan Hari Kesihatan Malaysia di Dataran Muzium Malaysia), gerai jualan, urutan dan cabutan bertuah. Antara perkhidmatan yang

Pelbagai program menarik telah dilaksanakan, mendapat sambutan yang menggalakkan antaranya Ceramah Kesihatan bertajuk termasuklah pemeriksaan kesihatan yang


merangkumi pemeriksaan tekanan darah, kolesterol, gula, saringan pap smear, sifilis dan lain-lain. Program ini diadakan selaras dengan pelaksanaan Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan 2022 (*National Health Screening Initiative 2022*) yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia terutamanya penjawat awam tentang kepentingan gaya hidup sihat.

Program ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan bukan saja dari kalangan pegawai dan kakitangan JMM, malah daripada pihak luar. Secara keseluruhan dianggarkan seramai 150 orang tetamu hadir. Program ini turut disertai oleh 20 pelajar dan pensyarah dari MSU College. Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman), Encik Mohd Razaimi bin Hamat juga hadir sebagai tetamu jemputan dan penyampai hadiah kepada penceramah dan pemenang cabutan bertuah. Program berakhir pada jam 1.00 petang.


## MAKAM-MAKAM ISLAM LAMA DI MARITIM ASIA TENGGARA: TULISAN PILIHAN TERBITAN ÉCOLE FRANÇAISE D'EXTRÊME-ORIENT DAN ASSOCIATION ARCHIPEL DITAMBAH TIGA ARTIKEL ASLI

Buku ini memperkenalkan sejumlah hasil penyelidikan tentang makam-makam Islam zaman silam yang telah dijalankan di Maritim Asia Tenggara selama 20 tahun terakhir kebelakangan ini. Terbitan asal ialah dalam bahasa Perancis. Buku ini turut memuatkan dua hasil kajian asli terbaru mengenai makam di Malaysia, kajian pertama memperkenalkan sejenis batu nisan dari negeri Melaka yang belum pernah diperhatikan sebelum ini dan kajian kedua pula ialah sebuah makam Cina Islam di negeri Melaka juga.

Kumpulan penulisan ini akan membawa pembaca dari Pattani di Thailand ke Brunei, melalui Malaysia dan Sumatra. Di samping usaha untuk mengatasi halangan bahasa, buku ini memaparkan perkembangan batu nisan di Maritim Asia Tenggara disamping menghayati kekayaan tradisi-tradisi makam Islam di wilayah tersebut dan seterusnya mampu merangsang kajian perbandingan di masa hadapan.



## SERAMIK EMPAYAR JOHOR ABAD 11-19 MASIHI: ASYAARI MUHAMAD



Buku Seramik Empayar Johor Abad 11-19 Masihi ini membincangkan mengenai sejarah dan jumpaan arkeologi di tapak Kerajaan Empayar Johor dari abad ke-16 hingga ke-19 Masihi. Tempoh waktu ini dipilih sebagai satu zaman peralihan dan perpindahan pusat pemerintahan kekuasaan Kesultanan Melayu Melaka ke selatan Tanah Melayu dan di persekitaran kepulauan Riau-Lingga. Buku ini turut memberikan tumpuan kepada perkembangan zaman pra-Empayar Johor kerana terdapat taburan artifak khususnya tembikar yang usianya lebih awal dari abad ke-16 Masihi.



KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI DAN BUDAYA  
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

# Muzium-Muzium di Bawah JABATAN MUZIUM MALAYSIA

[www.jmm.gov.my](http://www.jmm.gov.my)



MUZIUM NEGARA  
KUALA LUMPUR



MUZIUM ADAT  
JEJEBU, NEGERI SEMBILAN



MUZIUM DIRAJA  
KUALA LUMPUR



MUZIUM PERAK  
TAIPING PERAK



GALERIA PERDANA  
LANGKAWI



MUZIUM MATANG  
PERAK



MUZIUM ARKEOLOGI  
LEMBAH BUJANG, KEDAH



MUZIUM SUNGAI LEMBING  
PAHANG



MUZIUM CHIMNEY  
LABUAN



MUZIUM SENI KRAF ORANG ASLI  
KUALA LUMPUR



MUZIUM SENI BINA MALAYSIA  
BANDAR HILIR, MELAKA



MUZIUM KOTA KUALA KEDAH  
KEDAH



MUZIUM KOTA KAYANG  
PERLIS



MUZIUM AUTOMOBIL NASIONAL  
SEPANG



MUZIUM KOTA JOHOR LAMA  
JOHOR



MUZIUM LABUAN  
LABUAN



MUZIUM ETNOLOGI DUNIA MELAYU  
KUALA LUMPUR



MUZIUM TEKSTIL NEGARA  
KUALA LUMPUR



MUZIUM MARIN LABUAN  
LABUAN



MUZIUM LUKUT  
NEGERI SEMBILAN

MUZIUM KITA  
TAMADUN KITA

Jabatan Muzium Malaysia,  
Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur

Tel.: (+603) 2267-1000 (+603) 2282-6255  
Faks: (+603) 2282-6434 <http://www.jmm.gov.my>